



LAPORAN TAHUNAN 2019

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KALI KE-24**

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-24

Tarikh	: 19Jun 2019 (Rabu)	
Masa	: 10.00 pagi – 12.00 tengahari	
Tempat	: Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur	
Kehadiran	: YBhg. Datuk Radzali Hassan YBhg. Dato Zahriah Abd Kadir En. Izham Hakimi Dato' Hamdi En. Mohamad Shukri Salleh En. Khairuddin Yahya En. Rozaiman Che Kar YBhg. Dato' Ir Rohaizi Mohd Jusoh En. Deric Yeo Chin Yee En. Kevan Ong Kin Wye En. Neo Eng Kee En. Sam Siew Pak Kheong En. Sri Ganesh. Bala Subramaniam	<i>Pengerusi</i> <i>Naib Pengerusi</i> <i>Naib Pengerusi</i> <i>Setiausaha Agung</i> <i>Penolong Setiausaha</i> <i>Penolong Setiausaha</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i>

46 perwakilan Ahli Biasa, 3 perwakilan Ahli Bersekutu, 26 pemerhati. (Sila rujuk lampiran)

Tidak Hadir dengan notis	: YBhg. Dr. Mokhrazinim Mokhtar En. Amran Shah Idris Prof Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman En. Paul Ang Beng Teck En. Shamsuddin Amir	<i>Bendahari</i> <i>Penolong Bendahari</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i>
---------------------------------	---	---

Pengerusi : YBhg. Datuk Radzali Hassan

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI

- 1.1. YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 24 dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua hadirin.
- 1.2. En. Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (1) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 23

- 2.1. YBhg. Datuk Radzali Hassan selaku Pengerusi mesyuarat telah meminta Ahli yang hadir untuk mencadang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-23.
- 2.2. En Wan Khairul Annuar Wan Zainal dari Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-23 diterima dan disokong oleh YBhg. Dato Manjit Singh dari Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi and Partners.

3.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2019

- 3.1. En Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2018 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. Penubuhan MFA adalah di bawah Unit Perlaksanaan & Penyelarasan Pejabat Perdana Menteri pada bulan Januari 1994 dan telah diluluskan pendaftaran sebagai Persatuan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada Ogos 1994.

- 3.1.2. Jumlah sumbangan terkumpul Tabung Dana Bangunan adalah sebanyak RM116,100 sehingga bulan Jun 2019 dan memohon kerjasama daripada semua ahli untuk menyumbang sama ada dari segi tunai atau barangan. Sasaran tabung adalah sebanyak RM3.0 juta.
- 3.1.3. Pembelian dua (2) tingkat ruang pejabat yang berharga RM3 juta di Boulevard Business Park Jalan Kuching MFA adalah secara sewa beli. Sumber kewangan bagi pembelian pejabat ini daripada sumbangan dan pembiayaan dari institusi kewangan. Pejabat ini dijangkakan mula beroperasi pada bulan Julai 2019.
- 3.1.4. MFA Franchise Sdn Bhd telah mula aktif pada Julai 2018 dengan 7 orang kakitangan yang ditukarkan daripada Persatuan.
- 3.1.5. Antara aktiviti keahlian sepanjang tahun 2018 di bawah JKK Pendaftaran & Etika adalah dengan meluluskan sebanyak 30 ahli baru dan 9 penamatan keahlian, melaksanakan 42 kunjungan ahli dan potensi ahli serta melaksanakan 4 program Teh/ Coffee Tarik.
- 3.1.6. Aktiviti antarabangsa sepanjang tahun 2018 di bawah JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa adalah MFA terlibat secara aktif dalam World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation yang dianggotai oleh Persatuan Francais Antarabangsa bagi menjalinkan jaringan perhubungan dan sokongan aktiviti francais. Selain itu, MFA juga terlibat sama melaksanakan 5 misi perdagangan ke luar negara dengan pihak KPDNHEP, MATRADE dan PNS.
- 3.1.7. MFA telah menjalin hubungan baik dengan pelbagai pihak media di bawah JKK Promosi & Perhubungan Awam bagi mempromosikan aktiviti francais dan persatuan di peringkat kebangsaan. Selain itu, MFA juga menawarkan perkhidmatan pengurusan media kepada ahli dengan harga yang berpatutan.
- 3.1.8. JKK Pendidikan dan Penyelidikan telah melaksanakan 22 program latihan francais sepanjang tahun 2018 di samping 22 sesi Taklimat Mingguan Francais, 7 sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa, 4 Program Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF), 2 Program International Franchise Management Certification Course (IFM) dan 2 Program Grow Your Franchise Certification Course (GYF). Selain itu, MFA juga telah melaksanakan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dan Spire Consultation bagi Kajian Profiling Industri Francais Malaysia.
- 3.1.9. Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) di bawah JKK Pembangunan Perniagaan telah melaksanakan 3 kali Mesyuarat FRANEX yang dipengerusi secara bersama oleh Pengerusi MFA dan KSU KPDNHEP pada tahun 2018. Selain itu, program ini juga menyediakan sokongan kewangan dan aktiviti pemasaran kepada francaisor tempatan untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara.
- 3.1.10. Pada tahun 2018, JKK Kebajikan & Rundingcara telah mengendalikan 2 kes rundincara dan 5 kes perkhidmatan sokongan daripada ahli MFA. Selain itu, perkhidmatan ini secara terhad juga diberikan kepada bukan ahli sekiranya menghadapi sebarang isu semasa francais.
- 3.1.11. JKI FIM2018 telah melaksanakan Program Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018) pada 20-22 April 2018. Tempat perlaksanaan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) adalah merupakan kali pertama setelah 25 kali dilaksanakan di Putrade World Trade Center (PWTC). Program ini berjaya menarik 10,551 pengunjung dengan penyertaan 122 ruang pameran atau 88 jenama serta mencatatkan potensi transaksi jualan sebanyak RM410 juta.
- 3.1.12. Program Malam Anugerah Francais 2018 telah dilaksanakan oleh JKI MAF2018 pada 18 September 2018 di Hotel Marriot Putrajaya, IOI Resort City dengan bertemakan *Black and Gold*. Program ini telah dihadiri YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, YB Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail serta YB Menteri MED, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof sebagai tetamu kehormat.

En Ramilan Abdul Rahman dari Permodalan Kelatan Berhad mencadangkan agar Laporan Kemajuan 2018 yang telah dibentangkan agar diterima dan disokong oleh En Wan Khairul Annuar Wan Zainal dari Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd.

4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

4.1. En Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

4.1.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada tahun 2018, kedudukan kewangan MFA dapat dipulihkan kepada kedudukan positif dimana terdapat lebih pendapatan sebanyak RM130 ribu berbanding pengurangan pendapatan pada tahun 2017 sebanyak RM158 ribu.

4.1.2. Mesyuarat dimaklumkan pendapatan terbesar MFA adalah daripada program kerjasama dengan pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA sebagai badan pelaksana program. Program kerjasama ini telah menyumbang sebanyak 60% kepada pendapatan tahun semasa MFA berbanding 45% pada tahun kewangan yang lepas. Manakala yuran acara, program latihan & seminar serta lain-lain menyumbang sebanyak 40% pada tahun 2018 berbanding 55% pada tahun sebelumnya.

4.1.3. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pendapatan pada tahun 2018 mencatatkan peningkatan sebanyak 60% atau RM 1,859 ribu iaitu sebanyak RM 4.95 juta berbanding RM 3.09 juta pada tahun kewangan yang lepas. Sebahagian peningkatan pendapatan ini adalah terdiri daripada yuran EFDP program sebanyak RM 1.577 juta selain daripada acara Pameran Francais Antarbangsa (FIM) dan Malam Anugerah Francais (MAF) .Manakala, perbelanjaan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 48% iaitu RM 4,816 juta berbanding RM 3.245 juta pada tahun kewangan yang lepas. Sebahagian perbelanjaan ini adalah untuk program kerjasama berkaitan dengan program EFDP seperti yang telah dimaklumkan.

4.1.4. En Wan Khairul Annuar Wan Zainal dari Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd memohon penjelasan mengenai tindakan yang diambil oleh Persatuan dalam menangani Yuran Keahlian Belum Terima seperti yang dicatatkan di dalam Lembaran Iimbangan.

En Mohamad Shukri menjelaskan bahawa Persatuan akan mengambil tindakan lebih pro-aktif dalam menangani hutang ini.

En Wan Khairul Annuar Wan Zainal dari Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd telah mencadangkan agar Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 yang telah dibentangkan agar diterima dan disokong oleh Muhammad Norhadi Zainol dari Genius Aulad International Group Sdn Bhd.

5.0 MEMBINCANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG TUBUH PERSATUAN

5.1. En Khairuddin Yahya telah membentangkan empat (4) cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh MFAdan butiran lanjut adalah seperti berikut :

5.1.1. Cadangan Pindaan Fasal 5(3) di bawah tajuk Bayaran Memproses Permohonan, Yuran dan Bayaran Lain iaitu cadangan untuk memanjangkan tempoh menggantung hak-hak keistimewaan ahli disebabkan tunggakan hutang daripada 3 bulan kepada 6 bulan, memberi kuasa mutlak kepada Jawatankuasa Utama untuk menentukan status keahlian.

Fasal Asal:

Ahli yang membiarkan hutangnya tertangguh lebih daripada tiga bulan (3) bulan akan menerima satu notis yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Agung, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dibayar.

Pindaan Fasal:

“Ahli yang membiarkan hutangnya tertangguh lebih daripada enam bulan (6) bulan akan menerima satu notis yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Agung, hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga semua hutangnya telah dibayar. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Utama mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan status keahlian tersebut.

- 5.1.2. Cadangan Pindaan Fasal 5(4) di bawah tajuk Bayaran Memproses Permohonan, Yuran dan Bayaran Lain iaitu cadangan untuk memansuhkan fasal ini kerana bercanggah dengan Fasal 6(1) Perberhentian dan Pemecatan Ahli yang menyatakan bahawa;

Fasal 5(4)

“Ahli yang membiarkan hutangnya tertangguh lebih daripada enam (6) bulan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli dan Jawatankuasa Utama boleh memerintah supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.”

Fasal 6(1)

“Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung dan membayar segala hutangnya. Penarikan diri tidak diakui sah sebelum menerima jawapan rasmi daripada Jawatankuasa Utama menyatakan tidak ada apa-apa hutang atau harta kepunyaan Pertubuhan yang masih dalam simpanan ahli.”

- 5.1.3. Cadangan Pindaan Fasal 14(3) di bawah tajuk Kewangan iaitu cadangan untuk menambah jumlah pegangan wang runcit pada sesuatu masa daripada RM1,000 kepada RM5,000 berdasarkan kepada situasi pada masa kini dan rekod semasa kewangan MFA.

Fasal Asal:

Bendahari Agung dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) sahaja pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama. Kira-kira bank itu hendaklah atas nama Pertubuhan.

Pindaan Fasal:

“Bendahari Agung dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama. Kira-kira bank itu hendaklah atas nama Pertubuhan.”

- 5.1.4. Cadangan Pindaan Fasal 14(5) di bawah tajuk Kewangan iaitu cadangan untuk menukar amaun kelulusan oleh mana-mana dua orang penjawat jawatan Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung daripada RM5,000 kepada RM50,000 kerana terdapat lompongan kelulusan di antara RM5,000 sehingga RM50,000 pada fasal asal.

Fasal Asal:

“Perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) sahaja bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Utama, dan perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja (RM5,000.00) bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh mana-mana dua orang penjawat jawatan Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.”

Pindaan Fasal:

“Perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) sahaja bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Utama, dan perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja (RM50,000.00) bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh mana-mana dua orang penjawat jawatan Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.”

Cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh ini dicadangkan untuk diterima oleh En Wan Khairul Annuar Wan Zainal dari Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd dan disokong oleh YBhg. Dato' Manjit Singh dari Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi and Partners.

6.0 PEMILIHAN JAWATANKUASA UTAMA PERSATUAN SESI 2019/2021

- 6.1. En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya, wakil sekretariat mengumumkan pemilihan Jawatankuasa Utama MFA sesi 2019/2021 bagi jawatan yang dipertandingkan dan menyatakan hanya ahli dan wakil yang sah sahaja layak bertanding. Tarikh tarik tutup pencalonan adalah pada 30 Mei 2019.
- 6.2. Sehingga tarikh tutup pada 30 Mei 2019, terdapat 14 pencalonan untuk 14 kekosongan jawatan yang dipertandingkan. Kesemua calon adalah layak untuk bertanding berdasarkan kepada garis panduan pencalonan. Sehubungan itu, tiada pertandingan jawatan akan diadakan pada pemilihan kali ini.
- 6.3. Bagi Jawatan Pengerusi, terdapat satu (1) calon bagi mengisi 1 kekosongan jawatan tersebut iaitu YBhg Datuk Radzali Hassan dari Harta Maintenance Sdn Bhd. YBhg Datuk Radzali Hassan telah menang tanpa bertanding.
- 6.4. Bagi Jawatan Naib Pengerusi, terdapat dua (2) calon bagi mengisi 2 kekosongan jawatan tersebut iaitu YBhg Dato' Zahriah Abdul Kadir dari Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd dan En. Deric Yeo Chin Lee dari Revenue Valley Sdn Bhd. Kedua – dua calon tersebut telah menang tanpa bertanding.
- 6.5. Bagi Jawatan Setiausaha Agung, terdapat satu (1) pencalonan bagi mengisi satu (1) kekosongan jawatan iaitu En Mohamad Shukri Salleh dari Franchise Channel Sdn Bhd. En Mohamad Shukri Salleh telah menang tanpa bertanding.
- 6.6. Bagi Jawatan Penolong Setiausaha, terdapat dua (2) pencalonan bagi mengisi 2 kekosongan jawatan tersebut iaitu En. Fauzi Awang dari Wonderful Lifestyle (M) Sdn Bhd dan En. Khairuddin Yahya dari Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd. Kedua – dua calon tersebut telah menang tanpa bertanding.
- 6.7. Bagi Jawatan Bendahari dan Penolong Bendahari, terdapat dua (2) pencalonan bagi mengisi dua (2) kekosongan bagi setiap jawatan iaitu En. Roziaman Che Kar dari Ria Two dan En. Ramilan Abdul Rahman dari Permodalan Kelantan Berhad. Kedua-dua calon telah menang tanpa bertanding.
- 6.8. Bagi Jawatan Ahli Jawatankuasa Biasa, terdapat tujuh (7) pencalonan bagi mengisi 7 kekosongan jawatan ini dan kesemua calon ini telah menang tanpa bertanding. Senarai Ahli Jawatankuasa seperti berikut:
 1. YBhg. Dato; IR Rohaizi Mohd Jusoh dari Koperasi Staf CIDB Malaysia Berhad.
 2. Pn Aliza Ali dari Chatime (M) Sdn. Bhd.
 3. En. Jackey Lim Kheng Aun dari Goldlife Marketing Sdn. Bhd.
 4. En. Khairul Azman Mohd Yusof dari Marrybrown Sdn. Bhd.
 5. En. Neoh Eng Kee dari Tetuan Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners.
 6. En. Paul Ang Beng Teck dari City Coin Laundry Sdn. Bhd.
 7. En. Terry Lim dari Global Art & Creative Sdn Bhd.
- 6.9. Sehubungan itu, senarai penuh Jawatankuasa Utama bagi sesi 2019/2021 adalah seperti berikut

Pengerusi	:	YBhg Datuk Radzali Hassan
Naib Pengerusi	:	YBhg Dato' Zahriah Abdul Kadir
Naib Pengerusi	:	En. Deric Yeo Chin Lee
Setiausaha Agung	:	En Mohamad Shukri Salleh
Penolong Setiausaha	:	En. Fauzi Awang
Penolong Setiausaha	:	En. Khairuddin Yahya
Bendahari Agung	:	En Rozaiman Che Kar
Penolong Bendahari	:	En. Ramilan Abdul Rahman
Ahli Jawatankuasa	:	En. Neoh Eng Kee
		YBhg. Dato; IR Rohaizi Mohd Jusoh
		Pn Aliza Ali
		En. Jackey Lim Kheng Aun
		En. Khairul Azman Mohd Yusof
		En. Paul Ang Beng Teck
		En. Terry Lim

7.0 HAL LAIN-LAIN

- 7.1. Mesyuarat meminta agar Ahli Jawatankuasa untuk menimbangkan cadangan untuk meletakkan skrin atau televisyen di atas pentas bagi memudahkan Ahli Jawatankuasa Utama yang berada di atas pentas untuk melihat pembentangan laporan yang dikemukakan.

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 8.1. Pengerusi, YBhg Datuk Radzali Hassan mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan daripada semua Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2017/2019 serta sekretariat dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancang. Datuk Pengerusi juga mengalu-alukan perlantikan Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2019/2021 dan meminta sokongan daripada ahli Persatuan untuk membawa MFA ke tahap yang lebih cemerlang pada masa akan datang. Selain itu, Datuk Pengerusi juga menyatakan bahawa perpindahan pejabat MFA ke lokasi baru akan memberikan imej yang lebih disegani dan ceria kepada MFA, ahli Persatuan dan industri francais,
- 8.2. Naib Pengerusi, YBhg. Dato' Zahriah Abdul Kadir mengucapkan terima kasih di atas mandat yang diberikan dan berharap agar semua ahli dapat memberikan komitmen yang terbaik demi kemajuan MFA dan menjana sumber kewangan kepada MFA.
- 8.3. Naib Pengerusi, En. Deric Yeo Chin Yee mengharapkan agar semua ahli akan terus memberikan sokongan kepada MFA dan dapat bersama-sama berkongsi pengalaman dalam membangunkan industri francais.
- 8.4. Mantan Naib Pengerusi, En Izham Hakimi Dato' Hamdi mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan sepanjang memegang jawatan dalam Ahli Jawatankuasa Utama.
- 8.5. YBhg Datuk Pengerusi telah menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-24 pada jam 12.00 tengahari dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.

Minit disediakan oleh:

Disemak oleh:

.....
(SITI OHARA HAMDAN)
Sekretariat

.....
(AHMAD FAIZAL MOHAMED NOOR)
Ketua Eksekutif

Tarikh: 20 Jun 2019

Disahkan benar oleh:

.....
(DATUK RADZALI HASSAN)
Pengerusi

.....
(MOHAMAD SHUKRI SALLEH)
Setiausaha Agung

Tarikh: 19 Jun 2019

LAMPIRAN

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA KE-24

AHLI BIASA - FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1	Akademi Sempoa & Mental Arithmetik UCMAS Sdn Bhd	Pin Haw Tee	OFO-0316-02-EDU
2	Ban Heang (M) Sdn Bhd	Chin Hong Ong	OFO-0519-01-F&B
3	Borneo Oil Berhad	Sri Ganesh K. Bala Sunbramaniam	OFO-0795-05-F&B
4	Cambridge English For Life Sdn Bhd	Nur Farhana Bt Mohamed Kasim	OFO-0506-06-EDU
6	Celmonze Sdn Bhd	Angie Yee Yuen Siew	OFO-0418-04-BH
7	CIC International Incorporated	Qutren Nada Binti Ahmad	OFO-0910-08-EDU
8	City Coin Laundry Sdn Bhd	Nidaul Islah Binti Abdul Raof	OFO-0617-01-SVC
9	Coolblog Dessert Sdn Bhd	Mariena Binti Mat Not	OFO-0217-03-F&B
10	Eastern Biotech Resources Sdn Bhd	Prof. Dato' Hassan Yaakob	OFO-0910-05-BH
11	Genius Aulad International Group Sdn Bhd	Muhammad Nurhadi Zainol	OFO-0911-03-EDU
12	Global Art & Creative Sdn Bhd	Terry Lim	OFO-1214-01-EDU
13	Goldlife Marketing Sdn Bhd	Jacky Lim	OFO-1214-05-RET
14	Global Top Technologies (M) Sdn Bhd	Melissa Wong	OFO-0511-01-SVC
15	Harta Maintenance Sdn Bhd	Datuk Radzali Hassan	OFO-0313-01-SVC
16	IPM Engineering Sdn Bhd	Simon Low	OFO-0917-01-SVC
17	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Nurezzati Mohd Zamri	OFO-0110-01-F&B
18	Menara Optometry Center Sdn Bhd	Sazly Abdul Rahman	OFO-0311-02-RET
19	Mentari Yakin Management Sdn Bhd	Soon Cien Lim	OFO-0817-01-EDU
20	Muzart Learning Centre Sdn Bhd	Sammy	OFO-0818-08-EDU
21	Peace Collections Group Bhd	Soo Hoo Yuen Yee	OFO-0419-02-CA
22	Permodalan Kelantan Berhad	Ramilan Abdul Rahman	OFO-1214-02-SVC
23	Revenue Valley Sdn Bhd	Deric Yeo Chin Lee	OFO-0304-01-F&B
24	Ria-Two Sdn Bhd	Rozaiman Che Kar	OFO-0607-05-OTH
25	Roasters Asia Pacific (M) Sdn Bhd	Syaffiq Ali	OFO-1195-01-F&B
26	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	Kevan Ong Kin Wye	OFO-1000-04-EDU
27	Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd	Bee Koo Tay	OFO-0910-02-BH
28	Vivo Food Sdn Bhd	Siew Song Richard Tan	OFO-0217-01-F&B

AHLI BIASA - FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd	Khairuddin Yahya	OMF-0797-04-BH
2	Chatime Malaysia Sdn Bhd	Nor Aliza Ali	AMF-0417-01-F&B
3	Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd	Premita Dhaliwal	OMF-0797-05-F&B
4	Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd	Izham Hakimi Hamdi	OMF-0911-01-F&B
5	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd	Hj Fauzi B Awang	OMF-0608-11-F&B

AHLI BIASA – FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad	Ahmad Rozaman Mohd Yusoff	OFE-0317-01-SVC
2	Koperasi Staff CIDB Malaysia Sdn Bhd	Dato' Ir Rohaizi Mohd Jusoh	OFE-0114-02-SVC
3	Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd	Wan Khairul Annuar Wan Zainal	OFE-1218-04-F&B
4	Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd	Dato' Zahriah Abd Kadir	OFE-0512-02-TRV

AHLI BIASA - INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	Mohamed Izmauddin Bin Mohamad Burhanuddin	OSI-0519-03-FIN
2	Franchise Channel (M) Sdn Bhd	Mohamad Shukri Salleh	OSI-1204-04-CF
3	Franchise Technology & Methods Sdn Bhd	Sam Siew Pak Kheong	OSI-0795-06-CON
4	Lee Hishammuddin Allen & Gledhill	Eunice Chan	OSI-0219-07-LEG
5	Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners	Neoh Eng Kee	OSI-0498-08-LEG
6	Mohd. Latip & Associates	Datuk Mohd Latip Sarrugi	OSI-0795-18-LEG
7.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)	Muhammad Syafiq Bin Ibrahim	OSI-0599-02-GOV
8.	Raja, Darryl & Loh	Phye Keat Chew	OSI-1299-02-LEG
9.	Shearn Delamore & Co.	Michelle Loi	OSI-0519-02-LEG
10.	Perbadanan Nasional Berhad	Mazlan Ibrahim	OSI-0798-02-GOV

AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Utara 5 Food Beverage Sdn Bhd	Tan Thian Shoei	AFO-0519-03-F&B

AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1		Samuel W Danielraj	

AHLI BERSEKUTU – INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	I Synergy International (M) Sdn Bhd	Datin Kelly Lau	ASI-0319-01-OTH

PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	Faizul Hamzah	OSI-0519-03-FIN
2	Akademi Sempoa & Mental Arithmetik UCMAS Sdn Bhd	Zhu Ying Wong	OFO-0316-02-EDU
3	Ban Heang (M) Sdn Bhd	Fang Wei Lim	OFO-0519-01-F&B
4	Ban Heang (M) Sdn Bhd	York Sheen Chuah	OFO-0519-01-F&B
5	Chatime Malaysia Sdn Bhd	Malihah Khairuddin	AMF-0417-01-F&B
6	CIC International Incorporated	Azizi Bin Ahmad	OFO-0910-08-EDU
7	CIC International Incorporated	Ali Haidar Bin Azizi	OFO-0910-08-EDU
8	Coolblog Dessert Sdn Bhd	Win Zaidi	OFO-0217-03-F&B
9	Eastern Biotech Resources Sdn Bhd	Mohd Saffian Bin Ishak	OFO-0910-05-BH

PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
10	Genius Aulad International Group Sdn Bhd	Mohd Noor Azhar B. Dahalan	OFO-0911-03-EDU
11	Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd	Suhaila Abd Rahman	OMF-0797-05-F&B
12	Harta Maintenance Sdn Bhd	Jamiah Binti Ja'afar	OFO-0313-01-SVC
13	I Synergy International (M) Sdn Bhd	S.M. Aiman	ASI-0319-01-OTH
14	I Synergy International (M) Sdn Bhd	Michelle Lee	ASI-0319-01-OTH
15	Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad	Siti Nur Syazleen	OFE-0317-01-SVC
16	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Muhamad Hafizi Bin Zulkifli	OFO-0110-01-F&B
17	Lee Hishammuddin Allen & Gledhill Le Yu Tan	Lee Yu Tan	OSI-0219-07-LEG
18	Lee Hishammuddin Allen & Gledhill Le Yu Tan	Yi Hsien Chew	OSI-0219-07-LEG
19	Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners	Dato' Manjit Singh Sachdev	OSI-0498-08-LEG
20	Revenue Valley Sdn Bhd	Connie Yang	OFO-0304-01-F&B
21	Revenue Valley Sdn Bhd	Amril Rizar	OFO-0304-01-F&B
22	Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd	Kok Foong Choong	OFO-0910-02-BH
23	Utara 5 Food Beverage Sdn Bhd	Sin Ze Yue	AFO-0519-03-F&B
24	Utara 5 Food Beverage Sdn Bhd	Badrina	AFO-0519-03-F&B
25	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd	Zafrul Azman B Mohamed Azraai	OMF-0608-11-F&B
26	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd	Debby Amrini Bt Shamsulbahri	OMF-0608-11-F&B

LAPORAN AKTIVITI 2019

Pentadbiran
Pendaftaran & Etika
Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa
Promosi & Perhubungan Awam
Penyelidikan & Pendidikan
Pembangunan Perniagaan
Rundingcara & Kebajikan
Franchise International Malaysia 2019 (FIM2019)
Malam Anugerah Francais 2019 (MAF2019)

LAPORAN PENTADBIRAN

Objektif JKK

Bertanggungjawab dalam memastikan MFA ditadbir berdasarkan kepada pematuhan Undang-Undang Tubuh MFA dan Akta Persatuan 1966. Selain itu, JK juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti MFA dilaksanakan selaras dengan hala tuju MFA dan Industri Francais. Juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti pentadbiran MFA dilaksanakan dengan cekap, amanah dan berkesan.

Pengerusi

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)

Naib Pengerusi

En Fauzi Awang (*Wonderful Lifestyle (M) Sdn Bhd*)

En Khairuddin Yahya (*Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd*)

Ahli-Ahli

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

Pn. Siti Khadijah Mohd (Sekretariat)

En. Norhadi Md Yusof (Sekretariat)

Cik Bayani Salihah Ibrahim (Sekretariat)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-24

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-24 telah diadakan pada 19 Jun 2019 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh 46 wakil ahli. Laporan Kemajuan Aktiviti tahun 2019 dan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 telah dibentangkan dan diterima oleh Ahli Mesyuarat. Selain itu, mesyuarat juga bersetuju untuk meminda empat (4) Fasal iaitu Fasal 5(3) dan 5(4) di bawah tajuk Bayaran Memproses Permohonan, Yuran dan Bayaran Lain, Fasal 14(3) dan 14(5) di bawah tajuk Kewangan.

Pada Mesyuarat tersebut juga, pemilihan Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2019/2021 telah dilaksanakan dan senarai ahli Jawatankuasa bagi sesi 2019/2021 adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	YBhg Datuk Radzali Hassan
Naib Pengerusi	:	YBhg Dato' Zahriah Abdul Kadir
Naib Pengerusi	:	En. Deric Yeo Chin Lee
Setiausaha Agung:		En Mohamad Shukri Salleh
Penolong Setiausaha:		En. Fauzi Awang
Penolong Setiausaha:		En. Khairuddin Yahya
Bendahari Agung:		En Rozaiman Che Kar
Penolong Bendahari:		En. Ramilan Abdul Rahman
Ahli Jawatankuasa:		En. Neoh Eng Kee
		YBhg. Dato' IR Rohaizi Mohd Jusoh
		En. Jacky Lim Kheng Aun
		En. Khairul Azman Mohd Yusof
		Cik Nor Aliza Ali
		En. Paul Ang Beng Teck
		En. Terry Lim

MESYUARAT JAWATANKUASA UTAMA

Mesyuarat Jawatankuasa Utama telah dilaksanakan bagi memastikan dan memantau aktiviti dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan serta membincangkan perkara atau isu berbangkit yang perlu diambil tindakan. Walau bagaimanapun pemantauan aktiviti ini tidak terhad melalui mesyuarat

Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif sahaja, mesyuarat di antara Jawatankuasa kecil dan dikalangan sekretariat juga sering dilaksanakan. Jadual pelaksanaan mesyuarat bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

TARIKH	MESYUARAT
26 Mac	Mesyuarat Bil 7/2017-2019
13 Jun	Mesyuarat Bil 8/2017-2019
19 Jul	Mesyuarat Bil 1/2019-2021
15 Oktober	Mesyuarat Bil 2/2019-2021
10 Disember	Mesyuarat Bil 3/2019-2021

PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUASA UTAMA TAMBAHAN

Mesyuarat Jawatankuasa Utama telah bersetuju untuk melantik Dr. Alauddin Sidal, Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP dan Dr. Azmawani Abd Rahman, Pengarah Strategi Korporat dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Ahli Jawatankuasa Utama bagi sesi 2015/2017 selaras dengan Fasal 9(2) Undang-undang Tubuh MFA..

LEADERS MEETING

Leaders Meeting 2019 telah diadakan pada 17 hingga 19 Januari 2019 di Travelodge Hotel, Perth, Australia dan seramai 9 orang Ahli JKU telah menghadiri mesyuarat tersebut. Antara perkara yang dibincangkan adalah merangka Pelan Tindakan Jangka Pendek dan Jangka Panjang dan butiran lanjut seperti berikut:

a) Pembangunan Organisasi MFA

Pelan ini dibuat untuk menyusun semula operasi MFA serta memantapkan pengurusan dan pembangunan organisasi MFA

b) Keahlian MFA

Pelan ini dibuat untuk meningkatkan kebolehpercayaan MFA dalam memperluaskan skop perkhidmatan MFA kepada ahli, meningkatkan pertumbuhan francais serta mengukuhkan kredibiliti MFA di samping dapat meningkatkan sumber kewangan MFA.

PEMBELIAN BANGUNAN MFA

Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 6/2017-2019 telah bersetuju untuk membuat pembelian 2 tingkat ruang kedai di J2-1 & J3-1, Boulevard Business Park Jalan Kuching yang berharga RM3,094,510 melalui kaedah pembiayaan di Institusi Kewangan berlesen. Sementara mendapat kelulusan pembiayaan, pihak pemaju telah bersetuju agar MFA menyewa premis tersebut. Permohonan pembiayaan telah dikemukakan kepada beberapa institusi kewangan dengan bantuan ejen hartanah yang menguruskan pembelian tersebut. Sehingga kini, hanya CIMB Bank yang bersetuju secara prinsipnya untuk membiayai pembelian ini. Namun, akibat pandemik Covid-19 yang melanda pihak CIMB secara lisannya telah memaklumkan kesukaran untuk memberi pembiayaan tersebut.

PEMINDAHAN LOKASI PEJABAT URUSAN MFA

Seiring dengan keputusan pembelian premis MFA, pihak Jawankuasa telah bersetuju agar pejabat urusan MFA berpindah ke lokasi baru iaitu di J2-1, Boulevard Business Park Jalan Kuching. Pejabat Urusan MFA telah mula beroperasi di lokasi baru pada bulan Ogos 2019.

FASILITI DI PUSAT LATIHAN FRANCAIS MFA

Antara tujuan pembelian premis MFA adalah untuk mengadakan pusat latihan francais MFA memandangkan MFA banyak melaksanakan aktiviti latihan dan mesyuarat serta perjumpaan dengan ahli. Selain itu, MFA juga mengambil kira faktor untuk memberikan kemudahan kepada ahli untuk menggunakan pusat latihan francais tersebut. Pusat latihan francais yang terletak di J3-1, mempunyai tiga (3) bilik seminar yang dilengkapi dengan kemudahan lengkap seperti kerusi meja, projektor, skrin projektor, papan putih, flip chart, wifi dan penghawa dingin disetiap bilik. Selain itu, pusat latihan ini juga dilengkapi kemudahan adalah dispenser air, surau, pantri dan tempat letak kereta bawah tanah. Semua ahli MFA boleh menggunakan fasiliti yang disediakan ini.

KUNJUNGAN HORMAT

JKK telah mengadakan kunjungan hormat untuk mengeratkan hubungan organisasi serta membincangkan bentuk kerjasama yang dapat dilaksanakan pada masa hadapan. Buitran lanjut adalah seperti berikut :

BIL	Kunjungan Hormat	Tarikh
1.	YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia	15 Julai 2019
2.	YBhg. Datuk Muez Abd Aziz Ketua Setiausaha KPDNHEP	19 November 2019

KUMPULAN PENGURUSAN DAN OPERASI

Sekretariat ditubuhkan untuk membantu Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan menjalankan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan faedah kepada ahli secara khususnya dan industri francais secara umumnya. Sehingga 31 Disember 2019, bilangan sekretariat adalah sebanyak 17 orang berbanding 18 orang pada Disember 2018.

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Ahmad Faizal Mohamed Noor	Ketua Eksekutif
2.	Zuraida Jomri	Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Keahlian
3.	Wan Muhammad Zainal Wan Yahya	Timbalan Pengurus Besar, Perancangan Strategik
4.	Mohd Faizal Abd Latip	Timbalan Pengurus Besar, Pengurusan Acara dan Latihan
5.	Siti Khadijah Mohd	Pengurus, Pentadbiran Korporat, Kewangan & ICT
6.	Abdullah Abu	Pengurus, Pengurusan Acara

BIL	NAMA	JAWATAN
7.	Mohd Rithauddin Abd Aziz	Eksekutif Kanan, Pemasaran & Jualan
8.	Nabila Syafifi Roslan	Eksekutif Kanan, Hal Ehwal Keahlian
9.	Norhadi Md Yusof	Eksekutif Kanan, ICT
10.	Siti Syamim Dzulkifli	Eksekutif Kanan, Program Latihan
11.	Bayani Salihah Ibrahim	Eksekutif, Pentadbiran dan Sumber Manusia
12.	Mohd Najib Ramli	Eksekutif, Promosi & Perek Kreatif
13.	Nur Hafizatul Ain Abd Halim	Eksekutif, Penyelidikan & Pendidikan
14.	Nurizzatul Faiqah Rohaizat	Eksekutif, Pembangunan Perniagaan & Perhubungan Antarabangsa
15.	Nurul Ain Mohamad	Eksekutif, Perhubungan Awam
16.	Siti Ohara Hamdan	Eksekutif, Kewangan dan Akaun
17.	Sheilla Afiqah Ab. Rahim	Pelatih Pengurusan, Pengurusan Pejabat

MFA juga sentiasa menjalinkan kerjasama yang baik dengan pelbagai Institut Pengajian Tinggi sama ada awam atau swasta bagi melatih pelatih industri di MFA. Para pelatih ini diberikan pendedahan mengenai industri francais dan cara kerja sebenar di pejabat sebagai persediaan pelatih sebelum menceburi alam pekerjaan sebenar. Sepanjang tahun 2019, seramai 4 orang pelatih industri daripada Politeknik Sultan Isris Shah, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Kuala Lumpur telah menjalani latihan indsutri dengan jayanya.

AKTIVITI KAKITANGAN

Program BMI Challenge dan Aerobik Zumba diperkenalkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan megamalkan gaya hidup sihat malah dapat mengurangkan kadar stress dikalangan sekretariat. Aktiviti ini telah mula dilaksanakan pada Januari 2019. Program Tarbiyyah Rohani diadakan bagi memberi peluang kepada sekretariat untuk mempelajari dan mendalami Al-Quran dan As-Sunnah yang merangkumi semua aspek kehidupan. Program ini telah bermula pada Januari 2019. Selain itu, sekretariat juga banyak mengadakan aktiviti sepanjang tahun 2019 bagi tujuan untuk meningkatkan tahap pemikiran kritis kakitangan, membudayakan kerja berpasukan bagi mencapai matlamat organisasi dan memberi peluang kepada sekretariat memberikan pandangan, memperlihatkan kreativiti serta bersuara dalam sesebuah aktiviti. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Program Teambuilding di Krabi, Thailand, Potluck Bulanan, aktiviti Riadah seperti menonton Wayang, Bowling dan sebagainya.

INFORMASI, TEKNOLOGI & KOMUNIKASI

Membina, menyelenggara dan menaiktarafkan laman sesawang, sistem Email, Sistem SMS dan Fax Digital bagi memastikan maklumat dapat di capai dan disalurkan kepada umum, serta sebagai platform para ahli mempromosikan aktiviti mereka. Pada 2019 juga beberapa applikasi atas talian telah digunapakai untuk meningkatkan keberkesanan kerja dikalangan sekretariat. Sistem pendaftaran atas talian bagi program anjuran MFA serta Sistem Kehadiran dan Sistem Permohonan Cuti atas talian bagi sekretariat telah mula digunapakai. Pihak JKK juga merangka untuk melakukan transformasi dan penambahbaikan sistem kerja ke arah digital pada masa hadapan.

KALENDAR AKTIVITI

JKK Pentadbiran bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan dan memastikan aktiviti MFA yang telah dirancang dilaksanakan mengikut perancangan. Sepanjang tahun 2019, Persatuan telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahlinya dan orang awam. Selain itu, Persatuan juga telah menyertai dan menerima jemputan anjuran ahli-ahli persatuan, agensi kerajaan dan pihak swasta.

LAPORAN PENDAFTARAN & ETIKA

Objektif JKK

Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakukan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedah Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini.

Pengerusi

YBhg.Dato' Ir Rohaizi Mohd Jusoh *Koperasi Staff CIDB Malaysia Sdn Bhd*

(bercuti sakit bermula Oktober 2019)

En. Khairudin Yahya (*Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd*)

(memangku jawatan bermula Oktober 2019)

Ahli-Ahli

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)

Cik Nabila Syaffi Roslan (Sekretariat)

PENDAFTARAN KEAHLIAN

Bilangan Keahlian

Jawatankuasa dari semasa ke semasa melaksanakan operasi pemtihan ahli bagi memastikan setiap ahli menerima faedah daripada keahlian mereka. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti keahlian serta penyampaian perkhidmatan MFA. Pecahan bilangan keahlian pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

KATEGORI	JENIS KEAHLIAN	BILANGAN
Ahli Biasa	Francaisor	201
	Francaisi Induk	15
	Francaisi	73
	Institusi Sokongan	26
Ahli Bersekutu	Bakal Francaisor	85
	Bakal Francaisi Induk	21
	Bakal Francaisi	32
	Institusi Sokongan	22
	Ahli Pelajar	14
	Ahli Antarabangsa	4
	Ahli Kehormat	8
	JUMLAH	501

a) Keahlian Ahli Baru

Pada tahun 2019, keahlian yang telah diluluskan adalah sebanyak 29 di mana sebanyak 41% keahlian baru pada tahun 2019 terdiri daripada kalangan bakal francaisor berbanding 27% pada tahun 2018. Manakala francaisor sebanyak 14% pada tahun 2019 berbanding 37% pada tahun sebelumnya.

b) Penamatan Keahlian

Sehingga 31 Disember 2019, JKK telah menerima 15 permohonan pembatalan keahlian disebabkan oleh perubahan kepada model perniagaan, tidak lagi menawarkan pakej perniagaan francais, pembatalan perjanjian francais serta tidak berminat lagi untuk meneruskan pembangunan pakej francais. Hanya 9 permohonan yang diluluskan kerana tiada sebarang isu dan tunggakan hutang dengan MFA. Manakala selebihnya masih tertangguh disebabkan oleh terdapat tunggakan hutang yang masih belum diselesaikan.

AKTIVITI KEAHLIAN

MFA juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberikan pelbagai faedah kepada ahli-ahli persatuan dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

1. Program Enhance Members Benefit Program (EMBI)

Tujuan Program ini diadakan adalah untuk menambahbaik keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada ahli disamping meningkatkan komunikasi dan perhubungan antara MFA dan Ahli. Setiap Sekretariat MFA akan dilantik sebagai Pegawai Perhubungan kepada 20-30 bilangan ahli. Pegawai ini bertanggungjawab untuk memaklumkan aktiviti anjuran MFA, mendapatkan maklumat terkini serta kebajikan ahli.

2. Jemputan Khas Menyertai Aktiviti Anjuran MFA

Sebagai tanda penghargaan kepada kesetiaan ahli dan kebersamaan ahli sepanjang penubuhan MFA selama ini, JKK pada tahun 2019 telah menjemput ahli menyertai dan merasai kemeriahan aktiviti anjuran MFA. Jemputan khas ini khusus kepada 20 ahli yang mempunyai tahun keahlian melebihi 15 tahun dan aktif bersama persatuan. Ahli Setia ini telah dijemput untuk menyertai Program Malam Anugerah Francais 2019 yang berlangsung pada 4 Oktober 2019.

3. Kunjungan Outlet

Ahli Sedia Ada - Melalui aktiviti ini MFA dapat mengetahui perkembangan semasa, permasalahan dan sekaligus menjalinkan hubungan erat di antara ahli dan persatuan. Sepanjang tahun 2019 MFA telah mengunjungi sebanyak 23 ahli.

Potensi Ahli – Kunjungan ini merupakan tindakan proaktif JKK untuk menambahkan bilangan keahlian MFA disamping untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA serta untuk menjalinkan hubungan erat di kalangan pemain industri francais. MFA telah mengunjungi sebanyak 12 potensi ahli pada tahun 2019.

4. Teh Tarik Session

MFA telah menganjurkan sesi ini bagi mendapatkan maklum balas dan perkembangan semasa daripada ahli-ahli. Selain itu, aktiviti ini juga bertujuan untuk mempromosikan outlet ahli kepada ahli MFA yang lain. Lokasi perlaksanaan adalah ditaja oleh ahli tersebut. Sebanyak 2 sesi telah dilaksanakan

sepanjang tahun 2019 dan dihadiri secara puratanya sebanyak 50 ahli bagi setiap sesi.

TARIKH & LOKASI	TOPIK
5 April 2019 KLCC, Kuala Lumpur	Sembang Santai Francais
20 October 2019 Teh Tarik Place I-City Central, Shah Alam	IT Smart Assistant

5. Liputan Media

MFA sebagai platform antara media dan ahli-ahli MFA bagi mempromosikan ahli MFA dan industri francais keseluruhannya. Sepanjang tahun 2019 sebanyak 52 artikel dan berita ahli telah dihebahkan melalui pelbagai saluran media MFA.

6. Media Sosial

MFA giat mempromosikan ahli dan aktiviti ahli melalui 4 saluran media baru iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Laman sesawang MFA. Promosi Profil Ahli dimuatnaik sebanyak 3 kali seminggu iaitu Isnin, Rabu dan Jumaat di laman facebook MFA. Sebanyak 58 profil ahli telah dipromosikan sepanjang tahun 2019.

7. Laman Sesawang MFA

MFA juga turut memuatkan profil ahli ke dalam laman sesawang bagi tujuan promosi dan ahli juga turut berpeluang mengiklankan sistem francais mereka melalui laman sesawang ini. Sebanyak 140 ahli telah menerima manfaat ini di mana logo dan profil mereka telah dipaparkan di laman sesawang MFA.

8. Penganugerahan Sijil Keahlian kepada Ahli Baru

Seramai 12 ahli baru pada tahun 2019 telah dianugerahkan sijil keahlian semasa program-program anjuran MFA iaitu Program Sembang Santai di KLCC, Majlis Hari Raya Aidilfitri di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur dan Program Teh Tarik di I-City Central, Shah Alam.

9. Penyertaan Aktiviti Ahli

MFA telah menerima pelbagai jemputan untuk menghadiri program anjuran ahli dan akan dihadiri sama ada di kalangan Ahli Jawatankuasa Utama ataupun sekretariat. Butiran lanjut jemputan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

TARIKH	AKTIVITI
31 Januari	Gala Dinner & Appreciation Night, Laundry Bar
6 Februari	Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Wisma Chinese Chamber Kuala Lumpur

TARIKH	AKTIVITI
30 Mac	Majlis Pelancaran Pakej Dobi Layan Diri Mampu Milik & Sambutan Ulang Tahun Ke-9
25 April	Majlis Pelancaran Planetmahir Go Live
3 Mei	Q-Dees Gold Award x Q-dees Silver Jubilee
17 Jun	CGC Majlis Jamuan Aidilfitri
20 Jun	Majlis Pelancaran Minuman Terbaru Coolblog dan Acara Amal bersama Anak-Anak Yatim
27 Jun	Majlis Hari Raya Aidilfitri Perbadanan Nasional Berhad (PNS)
12 Julai	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Gobal Art & The Manhattan Fish di National Art Competition.
12 September	Majlis Pelancaran Minuman Terbaru Coolblog
12 November	Majlis Menandatangani Memorandum di antara Myeondong Topokki dan Great Jakarta
12 Disember	Smart Reader Worldwide – Memorandum of Understanding & Inspirational Book Series 2019

10. Jemputan Penyertaan Kepada Ahli

MFA telah menerima permintaan daripada badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya untuk memanjangkan maklumat dan jemputan penyertaan kepada ahli-ahli MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

TARIKH	AKTIVITI
16 April	Malaysian AEON Foundation Charity Run & Ride 2019 at AEON Mall Nilai, Negeri Sembilan
15 Oktober	MPC – Benchmarking Study for Sharing Economy Opportunities in Retail and F&B subsectors at Armada Hotel, Petaling Jaya.
28 November	International Franchise And Entrepreneurship Conference 2019 at Grand Hyatt Hotel, Kuala Lumpur
1 Disember	Karnival Industri, Keusahawanan dan Kerjaya UniSZA (IECC UniSZA 2019) di UniSZA kampus Gong
20 November	Modern Sales & Marketing Forum by Microsoft Malaysia

LAPORAN PERHUBUNGAN KEBANGSAAN & ANTARABANGSA

Objektif JKK

Bertanggungjawab menjalin dan memupuk hubungan yang erat dengan semua pihak di dalam dan luar negeri yang berkepentingan dengan tujuan dan maksud pertubuhan untuk terus membangunkan sektor francais serta memberi manfaat kepada ahli.

Pengerusi

En. Paul Ang Beng Teck (*City Coin Laundry Sdn. Bhd.*)

Naib Pengerusi

En. Fauzi Awang (*Wonderful Lifestyle Sdn Bhd*)

Ahli-ahli

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)

Cik Nurizzatul Faiqah Rohaizat (Sekretariat)

AKTIVITI DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Penyertaan Aktiviti

MFA telah terlibat dengan beberapa aktiviti di peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya. Sebanyak lima puluh enam (56) aktiviti telah dihadiri oleh MFA sepanjang tahun 2019. Butiran untuk aktiviti-aktiviti yang telah disertai MFA adalah seperti di Kalendar Aktiviti.

Kunjungan Hormat dan Mesyuarat Kerjasama

MFA telah mengadakan dan menerima kunjungan hormat dan Mesyuarat kerjasama daripada beberapa organisasi tempatan dan antarabangsa sepanjang tahun 2019 bagi mempromosikan aktiviti MFA serta mengenalpasti peluang perniagaan francais yang terdapat di kedua-dua organisasi. Butiran kunjungan hormat dan mesyuarat Kerjasama tersebut adalah seperti di Kalendar Aktiviti.

KEANGGOTAAN MFA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

World Franchise Council (WFC)

WFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada 48 Persatuan Francais seluruh dunia yang telah ditubuhkan pada tahun 1994. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di Negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. MFA telah menganggotai WFC sejak tahun 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat *Legal Affair* untuk sesi 2013 sehingga 2015.

Antara perkara yang telah dibentangkan ialah tarikh dan lokasi untuk mesyuarat WFC yang bakal dilangsungkan di Beirut, Lubnan pada 8 – 12 Jun 2020 untuk sesi pertama dan pada 7 - 10 Oktober di Seoul, Korea Selatan untuk sesi yang kedua. Cik Cristina Matos daripada *Portuguese Franchise Association* (APF) telah mencadangkan supaya 'website' WFC perlu diperbaharui dan info-info terkini setiap ahli-ahli WFC sentiasa dikemaskini. Selain itu, mesyuarat juga mengambil maklum berkenaan penamatan keahlian oleh Swiss Franchise Association sebagai ahli WFC.

Mesyuarat WFC diadakan sebanyak 2 kali setahun dan MFA telah menghadiri mesyuarat WFC yang diadakan seperti butiran berikut ;

Mesyuarat WFC Bil. 1/2019	
Tarikh	4 – 6 April 2019
Tempat	Madrid, Sepanyol
Wakil MFA	Tiada wakil

Mesyuarat WFC Bil. 2/2019	
Tarikh	21 – 27 Oktober 2019
Tempat	Abu Dhabi, UAE
Wakil MFA	Datuk Dr. Radzali Hassan Mohamad Shukri Salleh

Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

APFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada Persatuan Francais di sekitar Asia Pasifik dan telah ditubuhkan pada tahun 1998. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di Negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. Penubuhan APFC ini telah didaftarkan di Pendaftar Pertubuhan di Malaysia. MFA telah menganggotai APFC sejak 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat pada tahun 1998 sehingga tahun 2014. MFA juga dilantik sebagai Bendahari APFC dari tahun 2009 sehingga kini.

Mesyuarat APFC pada 2019 telah mengalukan kedatangan ahli baru iaitu negara UAE. UAE juga menjadi tuan rumah untuk mesyuarat WFC dan APFC untuk tahun 2019 bagi sesi kedua iaitu pada 21 - 27 Oktober 2019. Antara perkara yang telah dibentangkan ialah tarikh dan lokasi untuk mesyuarat APFC yang bakal diadakan di Seoul, Korea Selatan pada 7 – 10 Oktober 2020.

Mesyuarat APFC diadakan secara tahunan dan MFA telah menghadiri mesyuarat APFC yang diadakan seperti butiran berikut ;

Mesyuarat APFC Tahun 2019	
Tarikh	21 – 27 Oktober 2019
Tempat	Abu Dhabi, UAE
Wakil MFA	Datuk Dr. Radzali Hassan Mohamad Shukri Salleh

AKTIVITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Misi pembelajaran ke Las Vegas dan Washington D.C, USA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) telah menganjurkan satu misi pembelajaran dan Kajian Penanda Aras Francais Malaysia ke Amerika Syarikat pada 27 Februari hingga 4 Mac 2019 di Las Vegas dan Washington DC, Amerika Syarikat. Misi pembelajaran ini turut disertai oleh wakil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan wakil Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Bandar (MATRADE). Misi ini turut melibatkan penyertaan delegasi Malaysia ke 59th International Franchise Association Annual Convention anjuran International Franchise Association (IFA) yang telah diadakan pada 24 hingga 27 Februari 2019 di Mandalay Bay Convention Centre, Las Vegas, Nevada, Amerika Syarikat. Objektif kepada kajian ini antaranya adalah untuk mengenalpasti ruang dan peluang industri francais tempatan untuk terus berkembang bukan hanya di dalam negara malahan di peringkat antarabangsa, membangunkan penanda aras bagi mengukur tahap perkembangan serta kemampuan industri francais Malaysia dan mendapatkan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi industri francais tempatan.

Misi Perdagangan

JKK juga turut terlibat dalam melaksanakan Misi Perdagangan di peringkat antarabangsa anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan MATRADE. Tujuan aktiviti-aktiviti ini diadakan adalah bagi mempromosikan industri francais negara, ahli-ahli dan aktiviti-aktiviti MFA. Antara aktiviti lain yang turut diadakan pada setiap misi perdagangan ialah Forum Perniagaan, kunjungan hormat kepada dewan perniagaan atau agensi kerajaan dan kunjungan ke outlet francais. Turut terlibat bagi program ini adalah ahli-ahli persatuan yang ingin menerokai serta mengembangkan perniagaan francais mereka ke peringkat antarabangsa. Insentif penyertaan turut diberikan oleh kerajaan kepada pemamer bagi setiap misi perdagangan yang disediakan oleh pihak KPDNHEP melalui tajaan ruang pameran.

a) Info Franchise & Business Concept (IFBC) - Bandung

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke *Franchise Asia Philippines*, Manila, Filipina yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	27 – 31 Mac 2019
Tempat	Manila, Filipina
Wakil MFA	
1. En. Mohamad Shukri Salleh 2. Cik Siti Ohara Hamdan	
Penyertaan Ahli	
1. IPM Engineering 2. Fuel Shack Sdn Bhd 3. Muzart Learning Centre Sdn Bhd (Muzart) 4. Mentari Yakin Management Sdn Bhd (My Art Studio) 5. Q-dees Worldwide Edusystems (Q-dees) 6. Syarikat Abdul Ghaffar Trading Sdn. Bhd (Saudagar Kurma)	

b) Thailand Franchise and Business Opportunities Expo 2019 International Retail & Franchise Show

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Thailand Franchise and Business Opportunities Expo 2019 yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	11 – 14 Julai 2019
Tempat	Bangkok, Thailand
Wakil MFA	
1. En. Mohamad Shukri Saleh 2. En. Mohd Faizal Abd Latip 3. Cik Nur Hafizatul Ain Abdul Halim	
Penyertaan Ahli	
1. Celmonze Sdn Bhd (Celmonze) 2. City Coin Laundry Sdn Bhd (Laundrybar) 3. Cleanpro Express Sdn Bhd (Cleanpro) 4. Muzart Learning Centre Sdn Bhd (Muzart) 5. Q-dees Worldwide Edusystems 6. Revenue Valley Sdn Bhd (Manhattan Fish Market) 7. Syarikat Abdul Ghaffar Trading Sdn Bhd (Saudagar Kurma)	

c) China Franchise Expo 2019, Shanghai, China

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke *China Franchise Expo*, Shanghai, China yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	23 – 25 Ogos 2019
Tempat	Shanghai, China
Wakil MFA	
1. En. Terry Lim 2. En. Abdullah Abu 3. Cik Nabila Syaffi Roslan	
Penyertaan Ahli	
1. Celmonze Sdn Bhd (Celmonze) 2. Muzart Learning Centre Sdn Bhd (Muzart) 3. Syarikat Abdul Ghaffar Trading Sdn Bhd (Saudagar Kurma) 4. Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) 5. Mentari Yakin Management Sdn Bhd (My Art Studio) 6. Bangi Coffee Shop International Sdn Bhd (Bangi Kopitiam) 7. Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown) 8. Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)	

d) Info Franchise & Business Concept (IFBC)

MFA telah melaksanakan Misi Perdagangan ke *Indonesia Franchise & License Expo*, di Jakarta, Indonesia yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	13 – 15 September 2019
Tempat	Jakarta, Indonesia
Wakil MFA	
1. Dato' Ir Rohaizi Mohd Jusoh 2. En. Ahmad Faizal Mohamed Noor 3. Cik Nurizzatul Faiqah Rohaizat 4. Cik Bayani Salihah Ibrahim	
Penyertaan Ahli	
1. Celmonze Sdn Bhd (Celmonze) 2. City Coin Laundry Sdn Bhd (Laundrybar) 3. Cleanpro Express Sdn Bhd (Cleanpro) 4. Muzart Learning Centre Sdn Bhd (Muzart) 5. Revenue Valley Sdn Bhd (Manhattan Fish Market) 6. Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown) 7. Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) 8. Ban Heang (M) Sdn Bhd (Ban Heang) 9. Elleven Lingerie International Sdn Bhd (ELV) 10. Cambridge English For Life Sdn Bhd (Cambridge)	

LAPORAN PROMOSI & PERHUBUNGAN AWAM

Objektif JKK

Jawatankuasa Kecil Promosi & Perhubungan Awam bertanggungjawab dalam usaha mempromosi aktiviti persatuan, ahli-ahli dan industri francais secara keseluruhannya. Jawatankuasa Kecil ini turut berperanan memupuk dan menjalin hubungan erat dengan pihak kerajaan, organisasi media, agensi-agensi swasta dan semua pihak yang berkaitan.

Pengerusi:

En. Kairul Azman Mohd Yusof (*Marrybrown Sdn Bhd*)

Naib Pengerusi

En. Jacky Lim (*Goldlife Marketing Sdn Bhd*)

Ahli-Ahli

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)

En. Mohd Rithauddin Abd Aziz (Sekretariat)

Cik Nurul Ain Mohamad (Sekretariat)

En. Najib Ramli (Sekretariat)

PERHUBUNGAN MEDIA

Untuk tujuan mempromosikan industri francais, peranan media massa sememangnya penting. Sehubungan dengan itu, MFA telah mengambil inisiatif untuk menjalin hubungan baik dengan organisasi-organisasi media melalui aktiviti yang dianjurkan sepanjang tahun untuk mendapat publisiti yang maksima. Antara aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

Lawatan dan Kerjasama Media

Lawatan ke media dilaksanakan untuk membincangkan kerjasama dengan pihak media dalam mempromosikan aktiviti tahunan MFA serta menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak media. Hasil daripada aktiviti ini, MFA telah mendapatkan pakej harga terbaik untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA. Antara kerjasama yang dilaksanakan adalah sesi temu bual, iklan dan liputan acara. Media yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan aktiviti MFA dan industri francais adalah seperti di Jadual di bawah.

JENIS	TARIKH	ORGANISASI
Media Elektronik	10 Jan	Bernamea
	27 Jun	RTM
	28 Jun	Media Prima
	20 Dis	BFM Radio
Media Cetak	12 Jan	Franchise Asia
	25 Feb	China Press
	21 Mac	Going Places – Malaysia Airlines
	22 Mac	Nanyang Siang Pau



Perkhidmatan Media kepada Ahli

MFA menyediakan perkhidmatan media berbayar untuk membantu ahli-ahli dalam menguruskan perkara berkaitan dengan perhubungan media. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Menguruskan sidang media – menyediakan dan mengedarkan kenyataan media, menjemput media untuk menghadiri program, menguruskan pendaftaran media
- Editorial – menyediakan kenyataan media, skrip pengacara majlis dan teks ucapan
- Liputan Media – menguruskan pengiklanan di saluran media sama ada media cetak, elektronik dan digital

Program Promosi Ahli di Bernama Radio

MFA dengan kerjasama Bernama Radio telah menyiarkan slot 'Going Global' bagi memberikan ruang dan fokus kepada pemain-pemain industri, bukan sahaja untuk mempromosi dan memasarkan produk serta perkhidmatan mereka, malah mewujudkan minat di kalangan rakyat Malaysia untuk turut serta di dalam bidang perniagaan. Slot 'Going Global' bersiaran setiap Khamis selama 13 minggu bermula pada 3 September 2019 sehingga 26 Disember 2019. Antara ahli yang menerima manfaat melalui program 'Going Global' ini adalah seperti berikut:

TARIKH	SYARIKAT	JENAMA
3 Oktober	Cleanpro Express Sdn Bhd	
10 Oktober	Global Art & Creative Sdn Bhd	
17 Oktober	Marrybrown Sdn Bhd	
24 Oktober	Celmonze Sdn Bhd	
31 Oktober	Revenue Valley Sdn Bhd	
7 November	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	
14 November	City Coin Laundry Sdn Bhd	
21 November	Poney Garments Sdn Bhd	
12 Disember	Goldlife Marketing Sdn Bhd	
19 Disember	Teh Tarik Place Sdn Bhd	

Editorial

MFA bertanggungjawab melaksanakan editorial untuk sidang media, menyediakan nota ucapan, kenyataan akhbar serta liputan media bagi setiap aktiviti yang dianjurkan oleh MFA. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Sidang Media

MFA telah melaksanakan sidang media yang merangkumi penyediaan nota ucapan, kenyataan akhbar, jemputan media dan lain-lain bagi program seperti jadual di bawah. Butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di Lampiran.

TARIKH	PROGRAM
6 Mac	Taklimat Pempamer FIM2019
6 April	Perasmian FIM2019
19 Jun	Mesyuarat Agung Tahunan 2019 dan Jamuan Hari Raya MFA
17 Ogos	Perasmian NFX Zon Utara
27 Sep	Perasmian AFM2019
23 Nov	Perasmian NFX Sabah

b. Ucapan & Nota Ucapan

Pihak JKK bertanggungjawab untuk menyediakan teks ucapan tetamu kehormat bagi program anjuran MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

PROGRAM	TETAMU KEHORMAT
FIM2019 Taklimat Pempamer	YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
FIM2019 Perasmian	YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail <i>Timbalan Perdana Menteri Malaysia</i> YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail <i>YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna</i> YBhg. Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
AGM2019	YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
Pengumuman Calon Akhir AFM2019	YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
Malam Anugerah Francais Malaysia 2019 (MAF2019)	YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail <i>YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna</i> YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
NFX Zon Selatan	YBrs. En. Mohamad Shukri Salleh <i>Setiausaha Agung MFA</i>
NFX Zon Utara	YB Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain <i>Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan Pulau Pinang</i> YBrs. En. Mohamad Shukri Salleh <i>Setiausaha Agung MFA</i>
NFX Sabah	YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>

Pengiklanan di Media

MFA telah mempromosikan aktiviti anjuran MFA dan ahli melalui penerbitan iklan program sama ada di media cetak dan elektronik serta platform digital.

a. Media Cetak & Elektronik

MFA bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan pelan promosi di media dengan menerbitkan iklan program. Pada tahun 2019, JKK telah menerbitkan iklan program dan iklan terima kasih di akhbar Berita Harian, The China Press, New Straits Times, SME Magazine, Asia Franchise, Going Places dan Franchise Asia.

b. Laman Sosial

MFA telah mempromosikan semua aktiviti anjuran MFA dan aktiviti ahli di laman sosial termasuk FIM2019, MAF2019, EFDP2019, Teh Tarik Session dan Program Latihan di saluran media berikut:



- Facebook/franchiseMalaysia,
- Instagram@franchisemalaysia.
- twitter@FranchiseMY,
- Youtube/MyFranchiseHub,
- LinkedIn/Malaysian Franchise Association

Penerbitan

a. Franchise Mind

Penerbitan e-Franchise Mind adalah untuk memberi informasi mengenai industri francais, menghebahkan aktiviti MFA serta mempromosikan ahli MFA. E-franchise Mind ini diterbitkan sebanyak 2 edisi pada tahun 2019 dan diedarkan kepada ahli dan bakal ahli.

b. Buku Mewah

Penerbitan buku ini adalah bertujuan untuk menjadikan buku ini sebagai sumber ringkas mengenai sejarah industri francais dan kisah kejayaan francais & francais jenama Malaysia di peringkat antarabangsa. Selain itu juga, ianya dijadikan sebagai cenderahati kepada tetamu-tetamu antarabangsa. Projek ini yang dijangkakan diterbitkan pada tahun 2019 tetapi tertangguh disebabkan terdapat perubahan format dan isi kandungan buku tersebut.

PERHUBUNGAN AWAM

MFA telah menyertai beberapa program yang dapat menyampaikan maklumat francais kepada orang awam, untuk mendapatkan keahlian baru serta mempromosikan aktiviti MFA dan ahli-ahlinya.

1. Program Tanggungjawab Sosial Korporat

JKK telah mengadakan beberapa program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan matlamat membantu golongan yang kurang bernasib baik dan berkhidmat kepada alam sekitar. Antara program yang telah dijalankan adalah:

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
12 Jun 2019	Majlis berbuka puasa dan sumbangan kepada Asnaf	Masjid A-Muttaqim, Selayang Pandang, Selangor
20-22 Sep 2019	Food Bank Malaysia Masters 2019	Darul Aman Golf & Country Club, Jitra, Kedah

2. Siri Promosi Francais

MFA telah menyertai beberapa siri promosi francais dalam dan luar negara yang melibatkan misi perdagangan, pameran, seminar dan jemputan ceramah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM
15-18 Mac	NFX Zon Selatan – Johor Bahru
17 – 20 Mac	Paris Franchise Expo, France
27-31 Mac	Franchise Asia Philippines
11-14 Julai	Thailand Franchise And Business Opportunities 2019
15-18 Ogos	NFX Zon Utara – Pulau Pinang
23-25 Ogos	China Franchise Expo, Shanghai
18-20 Sep	Buybrand expo, Moscow
12-13 Okt	Franchise India, New Delhi, India
12-14 Nov	Hospitality Qatar, Doha
18 Nov	Ceramah Francais – SMART Collegue
22-25 Nov	NFX Sabah
29-30 Nov	Karnival Kerjaya – UnisZa
5 Dis	Ceramah Francais – MSU

PEMASARAN

MFA juga berperanan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kepada ahli, individu dan organisasi lain. Sehubungan dengan itu, MFA melalui JKK PPR telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti seperti:

Konsultasi dan Info Servis

MFA juga berperanan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kepada ahli, individu dan organisasi lain. Sehubungan dengan itu, MFA melalui JKK PPR telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti seperti:

Konsultasi dan Info Servis – Berperanan untuk memberikan penerangan mengenai asas perniagaan francais serta mewujudkan hubungan di antara persatuan dengan bakal usahawan yang berpotensi seperti berikut :

Taklimat Mingguan Francais – program ini dilaksanakan setiap Khamis, jam 2.30 petang dan terbuka kepada umum. Program ini dijadikan platform untuk mempromosikan program latihan dan keahlian MFA. Maklumat peserta yang ingin menjadi Francaisi akan dipanjangkan kepada ahli yang terlibat.

Laman Sesawang MFA : Members & Franchise News – Sebanyak 104 artikel atau berita berkaitan industri francais dan ahli telah dimuat naik di dalam portal MFA sepanjang tahun 2019.

Lawatan Pemasaran – Melaksanakan kunjungan pemasaran untuk mendapatkan maklum balas berkenaan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta menawarkan beberapa pakej jualan yang disediakan. MFA telah melaksanakan promosi pemasaran ke 29 buah syarikat sepanjang tahun 2019.

LAPORAN PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

Objektif JKK

Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek - projek latihan dan pendidikan kepada ahli - ahli dan menyelenggarakan pusat maklumat mengenai Industri Francais untuk faedah ahli-ahli.

Pengerusi

YBrs. Dr. Azmawani Abd. Rahman (*Universiti Putra Malaysia*)

Naib Pengerusi

En. Terry Lim (*Global Art & Creative Sdn Bhd*)

Ahli-ahli

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)

Cik Nur Hafizatul Ain Abdul Halim (Sekretariat)

Pn Siti Syamim Dzulkifli (Sekretariat)

AKTIVITI PENYELIDIKAN

Kajiselidik Maklumbalas Tahap Kepuasan Ahli

Kaji selidik ini diadakan bagi mendapatkan maklumbalas kepuasan dalam menjadi ahli persatuan. Antara tujuan utama kajiselidik ini diadakan adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan ahli berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh persatuan. Maklumbalas ini seterusnya akan dijadikan input dalam strategi penambahbaikan perkhidmatan kepada para ahli. Kesimpulan dari kajian ini, 89 ahli aktif telah menjawab kajiselidik maklumbalas untuk tahun 2019. Berikut adalah hasil kajiselidik tersebut

- 80% daripada ahli-ahli berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2019.
- 75% daripada ahli-ahli berpuas hati dengan pencapaian FIM pada tahun 2019.
- 82% daripada ahli-ahli berpendapat MFA perlu berusaha bagi mewujudkan aktiviti-aktiviti baru bagi menaikkan kredibiliti industri francais negara.

Justeru itu, MFA mengharapkan agar ahli akan terus memberikan maklumbalas pada masa akan datang.

Kajian Profil Industri Francais Malaysia

Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan dengan pihak UPM dan Spire Research & Consulting bagi menjalankan kajian profiling francais nasional pada 26 Disember 2018. Pihak Mesyuarat FRANEX telah meluluskan kajian ini yang telah dibentang di dalam mesyuarat Bil.2/2018 pada 26 Jun 2018 dan bersetuju supaya MFA menubuhkan JK Teknikal dan JK Induk bagi melaksanakan program ini. Kajian ini akan melibatkan semua ahli dan bukan ahli. Jawatankuasa dan juga pihak Spire Research sedang dalam proses mengemaskini data yang diperolehi daripada pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2019

MFA telah melaksanakan gerak kerja bagi persidangan FIM2019 pada Januari 2019. Persidangan kali ini melibatkan 7 sesi plenari yang terdiri daripada 10 orang pembentang di mana 9 orang pembentang tempatan dan 1 orang pembentang dari luar negara. Sebanyak 104 peserta telah hadir bagi persidangan kali ini. Tema persidangan FIM2019 adalah *Leaps Beyond The Limit* yang berfokuskan perantarabangsaan.

Anugerah Francais Malaysia 2019

Jawatankuasa telah melaksanakan gerak kerja bagi AFM2019 pada April 2019. Jawatankuasa selesai menjalankan proses penilaian anugerah pada tahun ini pada 24 September 2019 yang lalu. Seramai 34 orang panel penilai daripada pelbagai agensi berkaitan telah terlibat dalam penilaian tersebut. Hasil penilaian tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih pada 26 September 2019. Keputusan tersebut telah diumumkan dan disampaikan oleh YB Datuk Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Malam Anugerah Francais Malaysia yang telah berlangsung pada 4 Oktober 2019, di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Laporan Pasaran Antarabangsa

Laporan Penyelidikan Pasaran Antarabangsa bagi pelbagai industri dan sektor telah disediakan bagi keperluan ahli yang ingin memasarkan sistem francais mereka ke luar negara. Terdapat sebanyak 200 laporan Pasaran Antarabangsa yang boleh didapati di MFA dan laman web EFDP. Laporan ini adalah percuma kepada ahli MFA.

PENDIDIKAN

Taklimat Mingguan Francais

Taklimat Mingguan Francais diadakan pada setiap hari Khamis bermula jam 2.30 petang di pejabat MFA adalah bertujuan untuk memberikan penerangan ringkas dan pengenalan mengenai perniagaan francais di Malaysia kepada masyarakat umum. Para peserta yang hadir ke MFA adalah bakal francaisor & francaisi yang berminat dengan perniagaan francais. Pihak sekretariat akan memaklumkan kepada francaisor bagi para pengunjung yang berminat dengan perniagaan mereka. Pada tahun 2019, sebanyak 10 sesi telah diadakan dengan dihadiri seramai 33 peserta.

Sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa

Sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa diadakan untuk berkongsi maklumat pasaran, maklumat kemasukan perniagaan francais dan maklumat lain yang berkaitan mengenai negara yang akan dikunjungi semasa Misi Perdagangan Antarabangsa. LAPAN (8) sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa telah dilaksanakan seperti berikut:

TARIKH	NEGARA	LOKASI
7 Mac	Perancis	KPDNHEP
20 Mac	Filipina	KPDNHEP
5 Julai	Thailand	KPDNHEP
31 Julai	China	KPDNHEP
17 Ogos	Rusia	MATRADE
29 Ogos	Indonesia	KPDNHEP
26 September	India	KPDNHEP
17 Oktober	Qatar	Revenue Valley Sdn Bhd

Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)

Objektif program ini adalah untuk memberi peluang dan pengetahuan kepada bakal-bakal penggiat francais mengenai aspek-aspek asas dan kaedah penilaian daya-maju sesebuah perniagaan francais. Program ini turut menyediakan sesi perkongsian pengalaman bersama pihak francais dan francais terdiri daripada ahli – ahli MFA yang mana secara tidak langsung merupakan peluang mempromosikan perniagaan mereka kepada peserta yang hadir. Selain penglibatan francais dan francais dalam program ini, para penceramah yang dijemput juga terdiri daripada ahli persatuan seperti perunding- perunding francais, firma guaman dan wakil-wakil daripada institusi kewangan.

TARIKH & LOKASI	PENGLIBATAN AHLI
16 - 17 Februari Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Big Apple Interasia Sdn Bhd 2. Genius Aulad International Group Sdn Bhd
13 - 14 Julai Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Urban Fun Sdn Bhd
24 - 25 August Hotel Istana Kuala Lumpur	1. Entrepreneur Culture Incorporated Sdn Bhd 2. Intellect Franchising Sdn Bhd 3. City Coin Laundry Sdn Bhd 4. Franchise Channel (M) Sdn Bhd

International Franchise Management Certificate Course (IFM)

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PENGLIBATAN AHLI
16 - 17 Februari Hotel Istana Kuala Lumpur	1. FT Consulting & Method Sdn Bhd 2. Messrs Damian S.L. Yeo & L.C. Goh 3. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd 4. Revenue Valley Sdn Bhd 5. Marrybrown Sdn Bhd 6. Global Art & Creative Sdn Bhd
21 - 22 September Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur	1. FT Consulting & Method Sdn Bhd 2. Khalek Awang & Associates 3. Entrepreneur Culture Incorporated Sdn Bhd 4. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd 5. Intellect Franchising Sdn Bhd 6. City Coin Laundry Sdn Bhd

Grow Your Franchise Certificate Course (GYF)

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PROGRAM
27 - 28 July Hotel Istana Kuala Lumpur	1. FT Consulting & Method Sdn Bhd 2. Avon Cosmetics Sdn Bhd 3. Poney Garments Sdn Bhd

Smart Franchise Management Masterclass on SOP Development

Objektif utama program ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam pembangunan *Franchise Standard of Procedure* (SOP) ke arah digital. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari aspek pengurusan sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan yang lebih meluas. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PENCERAMAH
17 - 18 Disember Hotel Melia Kuala Lumpur	1. Astreem Consulting Pte. Ltd

LAPORAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Objektif JKK

Bertanggungjawab menangani dan memantau isu-isu semasa ahli di dalam aspek pembangunan perniagaan francais dan industri secara khusus seperti kewangan, premis, keusahawanan dan pembangunan produk melalui intergrasi setiap ahli agensi kerajaan, korporat dan usahawan di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan bagi mengukuhkan dana MFA.

Pengerusi Bersama

En. Deric Yeo (*Revenue Valley Sdn Bhd*)

Cik Nor Aliza Ali (*Chatime Malaysia Sdn Bhd*)

Ahli – ahli

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)

Cik Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat (Sekretariat)

PROGRAM KERJASAMA

Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais, MFA telah memberi cadangan, maklumbalas dan bekerjasama dengan pelbagai Kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta bagi mendedahkan dan menangani isu-isu berkaitan perniagaan francais. Butiran program kerjasama seperti berikut:

a) Program *Engagement Session* Bersama Francaisor dan YB Menteri KPDNHEP

MFA telah menghadiri Program *Engagement Session* bersama Francaisor dan YB Menteri KPDNHEP pada 29 Januari 2019 di KPDNHEP. Program telah dihadiri oleh En. Ahmad Faizal Mohamed Noor, En. Mohamad Shukri Salleh, En. Abdullah Abu dan En. Mohd Rithauddin Abd Aziz.

b) Mesyuarat Penyelarasan Misi Penanda Aras Francais Malaysia ke Amerika Syarikat Bil. 1/2019

MFA telah menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Misi Penanda Aras Francais Malaysia ke Amerika Syarikat Bil 1/2019 pada 8 Februari 2019 bertempat di Bahagian Pembangunan Francais, KPDNHEP. Mesyuarat telah dihadiri oleh En. Ahmad Faizal Mohamed Noor dan En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya.

c) Mesyuarat Penyelarasan Hala Tuju Francais Kementerian Pembangunan Usahawan

MFA telah menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Hala Tuju Francais bersama Kementerian Pembangunan Usahawan pada 26 Februari 2019 di Kompleks Kementerian Pembangunan Usahawan, Putrajaya. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh YBrs. En. Muhammad Razman bin Abu Samah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Pemantauan Usahawan). MFA telah dihadiri oleh En. Mohd Faizal Abd Latip.

d) Mesyuarat Penyelarasan Program *Franchise Networking Session* dan *Street Attack* FIM2019 Bersempena Penganjuran FIM2019

MFA telah menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Program *Franchise Networking Session* dan *Street Attack* FIM2019 Bersempena Penganjuran FIM2019 pada 19 Mac 2019 bertempat di MAEPS, Serdang. Mesyuarat telah dihadiri oleh En. Ahmad Faizal Mohamed Noor dan En. Mohd Faizal Abd Latip.

e) Mesyuarat *Services Sector Blueprint (SSB)* anjuran MITI

MFA telah menghadiri Mesyuarat *Services Sector Blueprint (SSB)* anjuran MITI pada 8 April 2019 di Menara MITI, Kuala Lumpur. Mesyuarat telah dihadiri oleh En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya.

f) Mesyuarat Penambahbaikan Prosedur dan Tatacara Penganjuran Program *Franchise Expansion (FE)*

MFA telah menghadiri Mesyuarat Penambahbaikan Prosedur dan Tatacara Penganjuran Program *Franchise Expansion (FE)* pada 24 April 2019 bertempat di Bahagian Pembangunan Francais (BPF), KPDNHEP. Mesyuarat telah dihadiri oleh Pengurus Perancangan Strategik, En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya.

g) Mesyuarat Isu Pekerja Asing Bersama Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) KPDNHEP

MFA telah menghadiri Mesyuarat Isu Pekerja Asing Bersama Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) KPDNHEP di KPDNHEP pada 21 Mei 2019. Mesyuarat telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan dan En. Ahmad Faizal Mohamed Noor.

h) Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Perdagangan Edaran / IAPG Sektor Perkhidmatan Bil 1/2019

MFA telah menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Perdagangan Edaran / IAPG Sektor Perkhidmatan Bil 1/2019 di KPDNHEP pada 4 Julai 2020.

i) Mesyuarat Kumpulan Fokus Di Bawah Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Perdagangan Edaran Bagi Penyediaan Dokumen RMK Ke-12

MFA telah menyertai Mesyuarat Kumpulan Fokus Di Bawah Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Perdagangan Edaran Bagi Penyediaan Dokumen RMK Ke-12 pada 5 – 6 Ogos bertempat di Hotel Grand Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan. MFA telah diwakili oleh En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya.

j) Mesyuarat dan Perbincangan Mengenai Potensi Ruang Kedai Bagi Jenama Collin's daripada Turki Bersama MIDA, BPF dan MyIPO

MFA telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan mengenai Potensi Ruang Kedai Bagi Jenama Collin's

daripada Turki Bersama MIDA, BPF dan MyIPO pada 14 Ogos 2019. Untuk makluman, jenama Collin's merupakan pempamer pada FIM 2019 dan telah menyertai program Franchise In-Buying Mission yang diadakan pada 5 April 2019.

k) Mesyuarat Round Table Rang Undang-Undang (RUU) Francais (Pindaan) 2019 KPDNHEP

MFA telah menghadiri Mesyuarat Round Table Rang Undang-Undang (RUU) Francais (Pindaan) 2019 bertempat di KPDNHEP pada 15 Ogos 2019. MFA telah diwakili oleh En. Ahmad Faizal Mohamed Noor dan En. Mohamad Shukri Salleh.

l) Mesyuarat bersama Hsien Naidu daripada Astreem Consulting Ptd. Ltd. Singapura

MFA telah mengadakan mesyuarat dan sesi perbincangan bersama Puan Hsien Naidu daripada Astreem Consulting Ptd. Ltd Singapura untuk pelaksanaan Program Masterclass: *SMART FRANCHISE MANAGEMENT* pada pertengahan Disember 2019. Mesyuarat ini telah diadakan pada tarikh 4 November 2019 dan bertempat di Bilik Mesyuarat MFA.

m) Mesyuarat Penyelarasan Isu-Isu Berkenaan Penggajian Pekerja Asing Dalam Subsektor Perkhidmatan

MFA telah dijemput untuk turut menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Isu-Isu Berkenaan Penggajian Pekerja Asing Dalam Subsektor Perkhidmatan yang bertempat di KPDNHEP pada 5 November 2019. MFA telah diwakili oleh En. Ahmad Faizal Mohamed Noor.

PROGRAM ENGAGEMENT SESSION: THE BREAKFAST TALK OF MADRID PROTOCOL & FRANCHISING BERSAMA FRANCAISOR

MFA telah mengadakan *Engagement Session: The Breakfast Talk of Madrid Protocol & Franchising* bersama Francaisor pada 19 November 2019 bertempat di Oldtown White Coffee, IKON Connaught Mall, Cheras. Program ini telah disertai oleh seramai 26 peserta daripada 17 syarikat. Penceramah pada program ini adalah Puan Wong Jin Nee (Messrs Wong Jin Nee & Teo) dan Puan Norainan Abd Latip daripada MyIPO.

NEXUS PRODUKTIVITI PERUNCITAN, MAKANAN & MINUMAN

MFA telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Produktiviti Nexus yang bertanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada asas pelaksanaan inisiatif produktiviti; bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan seperti badan penyelidikan dan agensi kerajaan dan berkongsi amalan terbaik; memperkenalkan mekanisme bantuan diri; dan menyediakan sokongan teknikal kepada perusahaan.

Disokong oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Nexus Produktiviti akan menyediakan pakar produktiviti sektor tertentu dan membantu perusahaan dengan menolong mereka mendiagnosis bidang untuk ditambah baik dan menyokong pelaksanaan penyelesaian produktiviti. Hasil sasaran bagi setiap

Nexus Produktiviti adalah untuk mengukuhkan kerjasama rakan kongsi antara akademi, syarikat besar dan PKS; serta mempunyai ekosistem e-dagang yang maju. Inisiatif ini juga akan menarik lebih ramai pekerja berkemahiran teknologi, meningkatkan tahap produktiviti melalui pekerja bersedia dan berkemahiran masa depan, dan menyemai budaya minda produktiviti dalam kalangan pekerja. Setiap Nexus Produktiviti disokong oleh ketua industri yang juga berperanan sebagai pengerusi bebas bagi memastikan pelaksanaan berjaya bagi inisiatif sektor di bawah MPB. JK pentadbiran bertanggungjawab atas arah strategik dan pengesahan bagi aktiviti MPB.

Antara program kerjasama dan mesyuarat yang dihadiri bagi Jawatankuasa ini pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- a. MFA telah menghadiri Sesi *Screening Potential Exporter* untuk program padanan perniagaan di Beijing pada 14 - 15 Mac 2019 di bawah anjuran MPC dan telah diwakili oleh Cik Nur Hafizatul Ain Abdul Halim.
- b. MFA telah bekerjasama dengan MPC dalam menguruskan program Pemandaran Perniagaan di Beijing, China pada 15 Mac 2019. MFA telah menghantar satu wakil Sekretariat, Cik Nur Hafizatul Ain Abdul Halim ke Beijing.
- c. MFA telah menghadiri Mesyuarat Perbincangan Productivity Nexus for Retail and F&B pada 25 April 2019 bertempat di Menara MATRADE. En Wan Muhammad Zainal telah mewakili MFA di mesyuarat tersebut.
- d. En. Deric Yeo telah dilantik sebagai Pengerusi Nexus Produktiviti Peruncitan, Makanan dan Minuman bermula pada September 2019
- e. MFA telah menghadiri Mesyuarat Perbincangan Productivity Nexus for Retail and F&B bersama Cik Valerie Choo, Naib Presiden MRCA pada 5 September 2019 bertempat di EATZ, Mid Valley Megamall. Cik Nurizzatul Faiqah telah mewakili MFA di mesyuarat tersebut.
- f. En. Deric Yeo telah memenuhi Jemputan sebagai Panel Program Red Tape Challenge (Good Regulatory Practice (GRP) Awareness Week 2019) anjuran MPC pada 9 Oktober 2019.
- g. En. Deric Yeo telah diwawancara oleh Radio Bernama pada 16 Oktober 2019 berkaitan isu *Red Tape Challenge* di Malaysia
- h. MFA telah menghadiri Mesyuarat *Governing Committee Nexus Productivity for Retail and F&B Bil.3/2019* pada 23 Oktober 2019 di Hotel Sheraton, Petaling Jaya, Selangor. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya, Pengurus Perancangan Strategik MFA dan Cik Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat, Eksekutif Pembangunan Perniagaan dan Perhubungan Kebangsaan dan Antarabangsa MFA.
- i. En. Deric Yeo juga telah diwawancara oleh Astro AWANI pada 27 November 2019 (Rabu).

j. MFA telah menghadiri Program *Strategic Session Nexus Productivity for Retail and F&B* yang diadakan pada 5 Disember 2019 bertempat di Hotel Sheraton, Petaling Jaya, Selangor. MFA telah diwakili oleh En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya dan Cik Nurizzatul Faiqah Rohaizat.

PROGRAM PENGUKUHAN PEMBANGUNAN FRANCAIS UNTUK MENINGKATKAN EKSPORT (EFDP)

MFA dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport. MFA merupakan badan pelaksana bagi program EFDP dari tahun 2015 sehingga 2020. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu para francais tempatan mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa. Di samping untuk membina keupayaan untuk membangunkan francais ke pasaran antarabangsa. Berikut merupakan butiran lanjut mengenai Program Pengukuhan Pembangunan Francais yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

Mesyuarat JAWATANKUASA FRANEX

Mesyuarat Jawatankuasa *Franchise Export* (FRANEX) yang dipengerusikan oleh KPDNHEP dan MFA telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2019. Jawatankuasa *Franchise Export* (FRANEX) ini dianggotai oleh tujuh (7) organisasi iaitu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Persatuan Francais Malaysia (MFA), *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE) dan juga *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO). Butiran mesyuarat adalah seperti berikut:

TARIKH	MESYUARAT
16 April 2019	Mesyuarat Bil 1/2019
19 Ogos 2019	Mesyuarat Bil 2/2019
27 November 2019	Mesyuarat Bil 3/2019
9 Disember 2019	Mesyuarat Bil 4/2019

Pemasaran

a) Specialised Business Mission (SBM)

SBM adalah program padanan perniagaan yang dilaksanakan semasa program Misi Perdagangan berlangsung. Melalui program ini, MFA bertanggungjawab untuk mendapatkan potensi pelabur bagi syarikat yang menyertai Misi perdagangan tersebut. Ringkasan program adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM	BIL SESI
17-20 Mac 2019	Franchise Expo Paris (FEP 2019) di Porte de Versailles, Perancis	73 sesi
27-31 Mac 2019	Franchise Asia Philippines 2019 (FAP2019) di Manila, Filipina	160 sesi
11-14 Jul 2019	Thailand Franchise & Business Opportunities (TFBO 2019) di Bangkok, Thailand	75 sesi
23-25 Ogos 2019	China Franchise Expo (CFE) di Shanghai, China	112 sesi
13-15 Sept 2019	Franchise & License Expo (FLEI) di Jakarta, Indonesia	170 sesi
18-20 Sept 2019	The BUYBRAND Expo di Moscow, Rusia	76 sesi
12-13 Okt 2019	Franchise India 2019 (FI2019) di New Delhi, India	122 sesi
12-14 Nov 2019	Hospitality Qatar 2019 (HQ2019) di Doha, Qatar	165 sesi

b) Bantuan Jurubahasa

Bantuan Jurubahasa telah disediakan dibawah program EFDP bagi memudahkan komunikasi dua hala dilaksanakan semasa Misi Perdagangan berlangsung. Butiran lanjut adalah seperti berikut :

Tarikh	Program
27 – 31 Mac 2019	Franchise Asia Philippines, Manila, Filipina
11 – 14 Jul 2019	Thailand Franchise & Business Opportunities, Bangkok, Thailand
18 – 20 Sep 2019	The BUYBRAND Expo Moscow, Russia

c) Ekspo Francais Kebangsaan (NFX)

MFA dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan beberapa siri jelajah Francais dalam usaha mempromosikan sektor perniagaan francais kepada masyarakat umum. Program jelajah NFX2019 ini adalah merupakan siri program promosi bagi Penganjuran Program Pameran & Persidangan Antarabangsa Malaysia 2019 (FIM2019) yang telah berlangsung pada 5-7 April 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Ketiga-tiga program ini telah menghasilkan jangkaan potensi pelaburan sebanyak RM41.3 juta daripada 26 jenama francais yang menyertai program ini.

Program Jelajah NFX2019 ini telah diadakan dan disertai oleh para pempamer seperti butiran berikut:

NO	LOKASI	TARIKH	PENYERTAAN
1.	Wilayah Selatan Johor Bahru, Johor	15-17 Mac 2019	16 syarikat francaisor
2.	Wilayah Utara Pulau Pinang	16-18 Ogos 2019	16 syarikat francaisor
3.	Wilayah Malaysia Timur Kota Kinabalu, Sabah	22-24 November 2019	10 syarikat francaisor

Senarai Pemamer bagi program Jelajah NFX2019 adalah seperti berikut:

NO	SYARIKAT	JENAMA
1	AEON Kredit	AEON Kredit
2	Bank Kerjasama Rakyat	Bank Rakyat
3	Bolton Optical Sdn Bhd	100 Vision
4	Borneo Oil Berhad	Sugarbun & Pezzo
5	CIC International Incorporated	Children Islamic Centre
6	City Coin laundr Sdn Bhd	Laundrybar
7	Coolblog Dessert Sdn Bhd	Coolblog Dessert
8	Daekyo Malaysia Sdn Bhd	Eye Level
9	Eastern Biotech Resources Sdn Bhd	House of Healin
10	Fuel Shack Sdn Bhd	Fuel Shack
11	Goldlife Marketing Sdn Bhd	Meiko
12	Harta Maintenance Sdn Bhd	Harta Rovers
13	Intellect Franchising	Intellect Franchising
14	Kenny Rogers Roasters Sdn Bhd	Kenny Rogers Roasters
15	Loob Holding Sdn Bhd	Tealive
16	MAMPU	Malaysia Biz
17	Marrybrown Sdn Bhd	Marrybrown
18	MBE Ventures Sdn Bhd	Mail Boxes Etc
19	Mediconstant Sdn Bhd	Constant
20	Muzart Learning Centre Sdn Bhd	Muzart International
21	Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd	Aquanano
22	Permodalan Kelantan Berhad	Ar-Rahn
23	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Ar Rahn X'change
24	Revenue Valley Sdn Bhd	The Manhattan Fish Market
25	Smart Reaser Worldwode Sdn Bhd	Smart Reader Kids
26	Urban Fun Sdn Bhd	Nathan's Famous

Bantuan Kewangan

Penyediaan bantuan kewangan kepada penggiat francais dalam aspek kewangan untuk menembusi lebih banyak pasaran antarabangsa berdasarkan kepada syarat tertentu. Terdapat 2 kategori bantuan kewangan iaitu Program FAST dan Program FORWARD.

1. Bantuan Kewangan Program *Franchisor's Accelerate and Strategic Trade (FAST)*

Program FAST yang merupakan program yang direka khas untuk Francaisor yang telah mengembangkan perniagaan francais ke Luar negara bagi meneroka peluang perniagaan francais mereka di negara-negara maju atau berpotensi tinggi.

a) **Penyertaan Pameran Francais di Negara Maju - "FRANCHISE EXPO PARIS 2019 (FEP2019)" pada 17 Mac sehingga 20 Mac 2019.**

Tujuan utama penyertaan ke FEP2019 adalah untuk membantu syarikat francais Malaysia mengembangkan perniagaan dan membina permintaan terhadap produk dan perkhidmatan jenama Francais Malaysia di Eropah. Program ini dilihat sebagai platform kepada penggiat industri francais untuk mengenal pasti pasaran dan permintaan jenama francais Malaysia di negara Eropah.

Penyertaan MFA dalam program FEP2019 ini merupakan penyertaan yang pertama sepanjang program Franchise Expo Paris ini diadakan di Paris. Industri francais di Malaysia kini berada dalam fasa matang dan banyak jenama francais Malaysia berpotensi untuk dikembangkan di pasaran luar negara, justeru itu sewajarnya MFA menyertai ekspo dari pelbagai penganjur yang diiktiraf oleh persatuan-persatuan francais di negara tersebut. Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha menyokong perkembangan industri francais di Malaysia dan juga sentiasa membantu syarikat-syarikat francais bersaing di pasaran global.

Sepanjang empat (4) hari ekspo FEP2019 berlangsung, nilai potensi pelaburan francais keseluruhan yang berjaya dicatatkan adalah berjumlah USD 35 juta melalui rundingan awal oleh tujuh (7) buah jenama francais Malaysia dengan seramai 168 bakal potensi francais dan francais induk dari Eropah. Tujuh (7) jenama tersebut ialah The Manhattan Fish Market, Marrybrown, Tealive, Global Art, CIC Where Leaders Are Born, MuzArt dan My Art Studio yang menyertai misi ini bagi menerokai industri perniagaan francais di Paris, Perancis. Muz Art juga telah menandatangani MOU dengan bakal francais daripada Paris, Perancis. Hasil daripada pameran "FRANCHISE EXPO PARIS 2019 (FEP2019)" syarikat francais Malaysia iaitu Global Art & Creative Sdn Bhd telah berjaya membuka satu *outlet* di negara baru iaitu Maghribi.

b) Penyertaan Pameran Francais di Negara Maju - "The BUYBRAND Expo 2019" pada 18 Mac sehingga 20 September 2019.

Tujuan utama penyertaan ke BUYBRAND EXPO 2019 adalah untuk membantu syarikat francais Malaysia mengembangkan perniagaan dan membina permintaan terhadap produk dan perkhidmatan jenama Francais Malaysia di Eropah. Program ini dilihat sebagai platform kepada penggiat industri francais untuk mengenal pasti pasaran dan permintaan jenama francais Malaysia di negara Eropah.

Penyertaan MFA dalam program BUY BRAND EXPO 2019 ini merupakan penyertaan yang pertama sepanjang program diadakan di Moscow. Industri francais di Malaysia kini berada dalam fasa matang dan banyak jenama francais Malaysia berpotensi untuk dikembangkan di pasaran luar negara, justeru itu sewajarnya MFA menyertai ekspo dari pelbagai penganjur yang diiktiraf oleh persatuan-persatuan francais di negara tersebut. Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha menyokong perkembangan industri francais di Malaysia dan juga sentiasa membantu syarikat-syarikat francais bersaing di pasaran global.

Sepanjang tiga (3) hari ekspo BUY BRAND EXPO 2019 berlangsung, nilai potensi pelaburan francais keseluruhan yang berjaya dicatatkan adalah berjumlah USD 45 juta melalui rundingan awal oleh tujuh (6) buah jenama francais Malaysia dengan seramai 130 bakal potensi francais dan francais induk dari Eropah. Enam (6) jenama tersebut ialah The Manhattan Fish Market, Marrybrown, Tealive, Global Art, PONEY dan Rotiboy yang menyertai misi ini bagi menerokai industri perniagaan francais di Moscow, Rusia. Globalart juga telah menandatangani MOU dengan bakal francais daripada Moscow, Rusia

c) Penyertaan Pameran Francais di Negara Maju - "HOSPITALITY QATAR 2019 (HQ2019)" di Doha, Qatar pada 12-14 November 2019.

Penyertaan Persatuan Francais Malaysia (MFA) sebagai Sekretariat Program Pengukuhan Francais Bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) dalam program Hospitality Qatar 2019 (HQ2019) merupakan misi promosi francais antarabangsa yang terakhir bagi tahun 2019. Misi promosi ini diketuai oleh En. Shamshuzaman Haji Sulaiman , Pengarah, Bahagian Pembangunan Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan di samping lapan (8) buah syarikat francais Malaysia yang bertaraf antarabangsa dan satu (1) syarikat bukan francais tempatan. Pemilihan Qatar adalah untuk membantu syarikat francais Malaysia mengembangkan perniagaan dan membina permintaan terhadap produk dan perkhidmatan jenama Francais Malaysia di Qatar dan ke negara-negara GCC. Program ini dilihat sebagai platform kepada penggiat industri francais untuk mengenal pasti pasaran dan permintaan jenama francais Malaysia di Qatar dan negara yang terdekat dengannya.

Tujuan utama penyertaan ke HQ2019 adalah untuk membantu syarikat francais Malaysia mengembangkan perniagaan dan membina permintaan terhadap produk dan perkhidmatan jenama Francais Malaysia di Qatar dan negara-negara GCC. Penyertaan MFA dalam program HQ2019 ini merupakan penyertaan yang pertama sepanjang program HQ2019 ini diadakan di Doha. Antara sebab lain pemilihan ke Qatar adalah kerana pameran Hospitality Qatar 2019 ini juga merupakan satu platform penuh yang meliputi pasaran Hospitality, Restaurants and Cafe' (HORECA) dari setiap sudut dan Doha, Qatar merupakan penghubung kepada pengendali, pembekal, pelabur, dan pembuat keputusan Hospitality, Restaurants and Cafe' (HORECA) yang terkemuka.

Sepanjang tiga (3) hari ekspo HQ2019 berlangsung, nilai potensi pelaburan francais keseluruhan yang berjaya dicatatkan adalah berjumlah RM 85,000,000.00 melalui rundingan awal oleh lapan (8) buah jenama francais Malaysia dan satu (1) jenama runcit dengan seramai 217 bakal potensi francais dan francais induk dari Qatar dan negara-negara terdekat dengannya. Maklumat am bagi pameran Hospitality Qatar 2019 adalah seperti berikut:

MAKLUMAT	KEPUTUSAN
Nama Pameran	Hospitality Qatar 2019
Tarikh	12 -14 November 2019
Tempat	Doha Exhibition & Convention Centre
Jumlah Pempamer & Negara	227 pempamer dari 33 negara
Jumlah Pelawat	11,500 orang
Penyertaan Syarikat Malaysia	
1. Revenue Valley Sdn Bhd (Manhattan Fish Market)	
2. Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)	
3. Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art)	
4. Ban Heang (M) Sdn Bhd (Ban Heang)	
5. Loob Holding Sdn Bhd	
6. Poney Resources Sdn Bhd	
7. Fuel Shack Sdn Bhd	
8. NYSS Restaurants Sdn Bhd	
9. TSK Beverages (M) Sdn Bhd (Non-franchise)	

d) Pembangunan Produk Francais Antarabangsa yang kedua

Geran bagi Pembangunan Produk Francais Antarabangsa yang kedua adalah bagi menggalakan perkembangan sistem francais jenama Malaysia menembusi pasaran antarabangsa yang mempunyai pelbagai budaya dan segmen pasaran yang berbeza. Geran ini telah diberikan kepada Syarikat Revenue Valley Sdn Bhd yang dikenali dengan jenama The Manhattan FISH MARKET yang terkenal dengan hidangan makanan laut telah mewujudkan satu lagi jenama francais iaitu New York Steak Shack bagi memenuhi permintaan pasaran makanan berasaskan daging. Geran yang diberikan adalah berjumlah sebanyak RM 100,000.00.

2. Bantuan Kewangan Program *Frachisor Ongoing Rating with Assessment & Reimbursement Deliverables* (FORWARD)

Program FORWARD merupakan program yang direka khas bagi *Export Ready Francaisor* bagi mengembangkan perniagaan francais mereka ke peringkat antarabangsa. Antara bantuan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Ujian Makmal untuk Makanan & Kosmetik
- b) Penterjemahan Bahan Pemasaran
- c) Penambahbaikan kepada Manual Operasi
- d) Pendaftaran Cap Dagangan
- e) Penyediaan Perjanjian Francais

Semua syarat dan kelayakan geran boleh diadapati di laman sesawang EFDP (<http://efdp.mfa.org.my>).

LAPORAN RUNDINGCARA & KEBAJIKAN

Objektif

Bertanggungjawab memberi khidmat kaunseling, menjaga kebajikan ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu konflik sesama ahli.

Pengerusi

En. Neoh Eng Kee (*Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners*)

Naib Pengerusi

En. Khairudin Yahya (*Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd*)

Ahli-ahli

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)

Cik Nabila Syafifi Roslan (Sekretariat)

RUNDINGCARA

Rundingcara dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh Jawatankuasa dan khidmat kaunseling ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francaisor dan francaisi. Pihak MFA akan terlebih dahulu meneliti samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francais 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya menyalut kes yang dikemukakan dan merujuk kes-kes tersebut kepada organisasi berkaitan seperti KPDNHEP, PNS, Myipo dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2019, 4 kes di kalangan ahli telah dikemukakan kepada MFA. Antara isu-isu yang dikemukakan adalah seperti isu kompaun, isu harga mentah, isu persamaan program dan pemasaran serta isu antara francaisor dan francaisi. Antara ahli yang memohon untuk sesi rundingcara pada tahun 2019 adalah Coolblog Dessert Sdn Bhd, Global Art & Creative Sdn Bhd dan Muzart International Sdn Bhd. Selain itu, MFA juga telah menerima beberapa aduan mengenai pertikaian di antara francaisor dan francaisi daripada syarikat francaisi yang bukan di kalangan ahli MFA. Memandangkan polisi MFA tidak melaksanakan rundingcara untuk syarikat yang bukan ahli, pihak JKK telah meminta agar syarikat yang berkenaan merujuk pertikaian tersebut kepada Bahagian Penguatkuasaan Bahagian Pembangunan Francais untuk tindakan selanjutnya.

KEBAJIKAN

Sepanjang tahun 2019, hanya terdapat permohonan sokongan berkenaan pernyataan pengakuan sebagai ahli MFA daripada Allunique (EM) Sdn Bhd berkaitan permohonan pindaan dokumen penzahiran di KPDNHEP. Selain itu, MFA juga telah memberikan peringatan kepada ahli baru kategori Ahli Bersekutu berkenaan keperluan pematuhan kepada Akta Francais 1998 (Pindaan 2012) mengenai penggunaan perkataan francais dalam mempromosikan sistem perniagaan mereka. Peringatan ini dikeluarkan setelah MFA mendapati sebilangan ahli bersekutu telah menggunakan perkataan francais sebelum memperolehi kelulusan daripada Pendaftar Francais.

LAPORAN PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2019 (FIM2019)

Objektif JKI

Program ini adalah bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan untuk mempromosi dan meningkatkan lagi industri francais negara, melahirkan lebih ramai usahawan francais di Malaysia, memberi peluang kepada penggiat francais untuk mempromosikan lagi perniagaan francais di Malaysia & Antarabangsa serta memberikan pengetahuan dan pendidikan.

Pengerusi:

En. Amran Shah Idris (*Myhomme Group M. Sdn Bhd*)

Pengerusi Persidangan

YBrs. Dr. Azmawani binti Abdul Rahman (*Universiti Putra Malaysia*)

Ahli-Ahli

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)
 En. Deric Yeo Chin Lee (*Revenue Valley Sdn Bhd*)
 Pn. Izan Binti Mohd Mokhtar (*BPF – KPDNHEP*)
 En. Abdul Alim Bin Sipun (*BPF – KPDNHEP*)
 En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (*Ketua Eksekutif*)
 En. Mohd Faizal Abd Latip (*Sekretariat*)
 En. Abdullah Abu (*Sekretariat*)

MAKLUMAT PROGRAM

Program	Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia 2019
Tarikh	5 – 7 April 2019 (Jumaat – Ahad)
Masa	10.00 pagi – 6.00 petang
Tempat	Dewan 1, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)
Tetamu Kehormat	YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail Timbalan Perdana Menteri

PENCAPAIAN PROGRAM

Penganjuran program FIM2019 telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat maklumbalas yang memberansangkan. Berikut adalah pencapaian yang diperoleh pada program FIM2019:-

Bilangan ruang pameran : 121 ruang pameran
 Jumlah pemamer : 74 syarikat
 Jumlah transaksi : RM452 juta
 Bilangan pengunjung : 11,324 pengunjung

PAMERAN

Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 121 ruang pameran melibatkan 74 ruang pameran tempatan dan 27 ruang pameran antarabangsa.

FIM2019 telah menarik minat pengunjung tempatan dari serata Malaysia dan pengunjung dari 9 buah negara luar dan

diantaranya adalah daripada Brazil, China, Indonesia, Singapura & Korea Selatan.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA FIM2019

Program ini telah diadakan pada 6 April 2019, bertempat di Dewan 2, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan telah berjaya mendapatkan sebanyak 159 penyertaan. Seramai 9 orang pembentang kertas kerja telah terlibat dalam persidangan kali ini. Para peserta yang mengikuti program ini telah diberikan pendedahan mengenai perkembangan industri francais khususnya di peringkat global. Berikut adalah senarai penceramah bagi program Persidangan Antarabangsa FIM2019:

BIL	NAMA PENCERAMAH	ORGANISASI
1.	Zakiah Jaafar	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
2.	Jeffrey Bahar	Spire Research & Consulting, Indonesia
3.	Norharizan Ali	Francaisi Marrybrown
4.	Mohd Fairuz Iqma	Francaisi McDonald's
5.	Nik Ahmad Yaakub	Francaisi Secret Recipe
6.	Elisa Tan Yean Chet	Francaisi Smart Reader Kids
7.	Wong Jin Nee	Wong Jin Nee & Teo
8.	Deric Yeo	Revenue Valley Sdn Bhd
9.	Bryan Loo	Loob Holding Sdn Bhd

FRANCHISE IN-BUYING MISSION

Program kerjasama dengan MATRADE ini melibatkan sesi pepadanan yang disediakan untuk para pemamer tempatan (francaisor berdaftar) dengan para pelabur yang dijemput khusus dari luar negara. Seramai 17 pelabur dari 13 buah negara telah hadir untuk sesi ini. Antara negara yang hadir adalah Hungary, India, Indonesia, Kazakhstan, Myanmar, Netherlands, Oman, Poland, Russia, Sweden dan United Kingdom.

MALAM RESEPSI

Program ini telah diadakan pada 5 April 2019 untuk meraikan dan sebagai tanda penghargaan kepada pemamer. Tetamu kehormat pada Majlis ini adalah YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

LAPORAN PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS 2019 (MAF2019)

Objektif JKI

Program ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat francais yang menunjukkan prestasi cemerlang di dalam sektor francais bagi tahun 2019. Selain itu, program ini juga akan dapat mengeratkan perhubungan di kalangan ahli di samping mengumpul dana untuk MFA.

Pengerusi:

YBhg. Datuk Zahriah Abd Kadir (*Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd*)

Ahli-Ahli

En. Mohamad Shukri Salleh (*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)

En. Khairuddin Yahya (*Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd*)

En. Neoh Eng Kee (*Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partner*)

Pn. Izan Binti Mohd Mokhtar (BPF – KPDNHEP)

En. Abdul Alim Bin Sipun (BPF – KPDNHEP)

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat)

En. Abdullah Abu (Sekretariat)

MAKLUMAT PROGRAM

Program	Malam Anugerah Francais 2019 (MAF2019)
Tarikh	4 Oktober 2019, Jumaat
Masa	6.00 petang – 11.00 malam
Tempat	The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur
Tema	Formal – Ungu
Bilangan Tetamu	500 orang
Tetamu Kehormat	YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

MAJLIS MAKAN MALAM

Acara Koktel

Majlis beramah mesra bersama tetamu sebelum masuk ke dewan ini diserikan dengan persembahan muzik dan lagu daripada Busker sambil dihidangkan dengan jamuan koktel. Jamuan koktel ini dimeriahkan dengan penajaan hidangan koktel daripada beberapa syarikat francais iaitu Marrybrown Sdn Bhd, Revenue Valley Sdn Bhd dan Chatime.

Persembahan Hiburan

Para tetamu telah dihiburkan dengan persembahan nyanyian daripada Aris Ariwatan dan Kumpulan Muzik Misrata Band.

ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2019

Jawatankuasa Pemilihan

Jawatankuasa Pemilihan berperanan untuk menilai keseluruhan sistem dan kriteria penilaian, perjalanan proses penilaian serta skema permarkahan secara keseluruhannya. Jawatankuasa pemilihan terdiri daripada wakil agensi atau badan profesional dan butiran lanjut jawatankuasa adalah seperti berikut:

BIL	ORGANISASI	WAKIL
1.	UPM	Prof. Madya Dr. Azmawani Abd Rahman
2.	KPDNHEP	En. Atan Bin Sopian
4.	MATRADE	Datin. Rusiah Mohamed
5.	SKM	Hajah Jamaliah Binti Ismail
6.	SME CORP	Pn. Sharifah Najwa Syed Abu Bakar
8.	PNS	En. Mazlan Bin Ibrahim
9.	MYIPO	En. Mohd Razlan Bin Hj. Abd hamid
10.	MPC	Tn. Haji Mohd Zaki Ibrahim

Insentif Pemenang

Para pemenang Anugerah akan memperolehi insentif seperti senarai di bawah sebagai penghargaan di atas kemenangan mereka. Insentif ini juga diharapkan dapat menarik lebih banyak penyertaan pada Anugerah akan datang.

- Trofi Anugerah
- Sijil Anugerah Francais Malaysia
- Pakej liputan
- Laporan Penilaian Anugerah Percuma kepada Calon-Calon
- Program Latihan Francais percuma untuk semua pemenang

PENAJAAN

Program Malam Anugerah Francais 2019 ini telah mendapat pelbagai sumbangan penajaan daripada beberapa organisasi dan syarikat di dalam industri francais. Senarai penaja utama MAF2019 adalah seperti berikut:

- Global Art & Creative Sdn Bhd
- Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
- Perbadanan Nasional (PNS)

Berikut adalah merupakan senarai para pemenang bagi semua kategori yang dipertandingkan untuk Anugerah Francais Malaysia 2019:

Francais Terbaik

Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art)

Kategori Sistem Francais

- Francaisor Terbaik
Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art)
- Francaisi Induk Terbaik
Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd (Mcdonald's)
- Francaisor Harapan Terbaik
City Coin Laundry Sdn Bhd (Laundrybar)

Kategori Francaisor Antarabangsa

- Francaisor Antarabangsa Terbaik (Timur Tengah & Afrika)
Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)
- Francaisor Antarabangsa Terbaik (Asia Pasifik)
Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art)

Kategori Francaisi

- Francaisi Harapan Antarabangsa Terbaik
Isk F&B Sdn Bhd (Mcdonald's)
- Francaisi Antarabangsa Terbaik
Hamburgold Sdn Bhd (Mcdonald's)
- Francaisi Harapan Malaysia Terbaik
Be Creative Studio (Global Art)
- Francaisi Malaysia Terbaik
Diamond Intelligence (M) Sdn Bhd (Smart Reader Kids)

Kategori Terbuka

- Rancangan Perniagaan Francais Terbaik
The Bakes - Universiti Malaysia Kelantan (Umk)
- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Francais Terbaik
Smart Reader Worldwide Sdn Bhd (Smart Reader Kids)
- Inovasi Francais Terbaik
Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art)
- Majikan Francais Terbaik
Senheng Electric (KI) Sdn Bhd (Senheng)

Penghargaan Khas

- Penghargaan Khas – Individu
Izham Hakimi Bin Hamdi
- Penghargaan Khas – Individu
Dato' Basaruddin Bin Sadali
- Penghargaan Khas – Organisasi
Malaysia Productivity Corporation (Mpc)
- Penghargaan Khas Media – Individu
Siti Hanila Bowhani (Radio Televisyen Malaysia (RTM))

MOHAMAD SHUKRI SALLEH




Setiausaha Agung
10 Ogos 2020

**LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Laporan Bendahari
Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-Ahli
Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
Akaun Berkanun Bendahari
Lebaran Imbangan
Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
Penyata Penerimaan & Pembayaran
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

LAPORAN BENDAHARI

Pendapatan dan perbelanjaan MFA banyak dipengaruhi oleh pelaksanaan aktiviti yang sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian. Oleh itu, jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan mempunyai perbezaan yang hampir sekata. Jika dilihat pada keseluruhan kedudukan kewangan MFA pada tahun 2019, berlaku sedikit peningkatan berbanding tahun 2018. Pada tahun 2019, pendapatan mencatatkan peningkatan sebanyak 16% berbanding 2018. Seiring dengan peningkatan pendapatan daripada program kerjasama yang dilaksanakan sepanjang 2019, jumlah perbelanjaan juga meningkat sebanyak 16% berbanding tahun 2018.



PENDAPATAN

Pendapatan MFA keseluruhannya terdiri daripada yuran keahlian, kursus dan seminar francais, acara, program kerjasama dan lain-lain. Pendapatan keseluruhan MFA pada 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.8 juta kepada RM5.749 juta berbanding RM4.947 juta pada tahun kewangan yang lepas. Peningkatan pendapatan ini banyak dipengaruhi oleh pendapatan daripada program kerjasama yang dilaksanakan. Pendapatan 2019 tanpa program kerjasama ini adalah sebanyak RM2.288 juta berbanding RM1.953 juta pada 2018 dimana mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 17% atau RM335 ribu. Analisis dan prestasi kewangan seperti jadual dibawah.

KATEGORI	PENDAPATAN (RM'000)		VARIAN	
	2019	2018	RM	%
Keahlian	328	324	4	1
Kursus dan Seminar	33	34	56	165
Pengurusan Acara	1,722	1,505	217	14
Pelbagai Pendapatan	134	90	58	64
JUMLAH	2,217	1,953	335	17
Program Kerjasama	3,533	2,994	467	16
JUMLAH KESELURUHAN	5,750	4,947	802	16

Keahlian

Pada 2019, sebanyak RM328 ribu keahlian yang telah dikemukakan inbois berbanding RM324 ribu pada 2018. Jumlah ini termasuk 29 ahli baru pada 2019 dan 31 ahli baru pada 2018. Bagi menunjukkan laporan yang lebih realistik, MFA telah menggariskan polisi untuk mengemukakan inbois hanya kepada ahli yang mempunyai hutang tidak melebihi 3 tahun. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses. Yuran keahlian mencatatkan peningkatan sebanyak 1% atau RM4 ribu pada tahun semasa berbanding tahun kewangan lepas. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 6% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih rendah daripada 7% pada 2018.

Kursus & Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi Yuran kursus dan seminar menunjukkan penurunan sebanyak 3% atau RM34 ribu kepada RM33 ribu pada 2019. Ini disebabkan terdapat perbezaan pelaksanaan jenis program latihan serta jumlah penyertaan bagi setiap program. Pada tahun kewangan 2019, sejumlah 14 program telah dilaksanakan berbanding 23 program latihan pada tahun kewangan yang lepas, namun jumlah program telah memberi sumbangan pada penurunan pendapatan tersebut. Yuran kursus dan seminar menyumbang sebanyak 1% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun 2018 dan 2017.

Pengurusan Acara

Pada tahun 2019, 2 acara telah dilaksanakan iaitu Franchise International Malaysia 2019 (FIM2019), dan Malam Anugerah Francais 2019 (MAF2019) dengan jumlah pendapatan sebanyak RM1.722 juta iaitu 30% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MFA. Manakala, pada tahun 2018, bagi acara yang sama iaitu Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018) dan Malam Anugerah Francais 2018 (MAF2018) menyumbang sebanyak 30% juga kepada pendapatan keseluruhan MFA. Jumlah pendapatan bagi acara meningkat sebanyak 14 peratus daripada RM1.505 juta kepada RM1.722 juta pada tahun semasa. Faktor peningkatan adalah disebabkan peningkatan jumlah aktiviti dan penyertaan dalam acara yang dilaksanakan.

Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA terdiri daripada yuran pemamer bagi program Misi Perdagangan, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, sumbangan tanggungjawab sosial korporat serta penerimaan dividen dari akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap. Pelbagai Pendapatan telah menjana perolehan sebanyak RM134 ribu pada tahun 2019 berbanding RM90 ribu pada tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak 44 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penerimaan dividen dan sumbangan tanggungjawab sosial korporat.

Program Kerjasama

Program Kerjasama adalah program yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA adalah hanya sebagai badan pelaksana program. Pada tahun 2019 dan 2018 yuran bagi program kerjasama adalah daripada pelaksanaan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) dan 1 Program Misi Perdagangan. Pendapatan daripada program kerjasama ini menyumbang sebanyak 61% kepada pendapatan tahun semasa MFA yang mana sama peratusannya dengan tahun kewangan lepas.

PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan aktiviti juga mengalami peningkatan sebanyak 16% daripada RM4,817 juta kepada RM5,591 juta pada 2019. Peningkatan ketara adalah daripada pelaksanaan program kerjasama. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:

KATEGORI	PERBELANJAAN (RM'000)		VARIAN	
	2019	2018	RM	%
Keahlian	98	87	11	13
Kursus dan Seminar	10	26	(16)	-62
Pengurusan Acara	1,374	1,056	318	30
Pelbagai Perbelanjaan	126	49	29	59
Pentadbiran	912	813	99	12
JUMLAH	2,472	2,031	441	22
Program Kerjasama	3,071	2,786	332	12
JUMLAH KESELURUHAN	5,590	4,817	773	16

Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan peningkatan sebanyak 13% kepada RM98 ribu berbanding dengan RM87 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan peningkatan peruntukan hutang lapuk tahun semasa.

Kursus & Seminar

Perbelanjaan pelaksanaan kursus dan seminar pada 2019 menunjukkan pengurangan sebanyak 62% kepada RM10 ribu daripada RM26 ribu pada 2018 disebabkan terdapat perbezaan dalam jumlah program dan jenis latihan yang dijalankan. Pada tahun 2019, sebanyak 2 program International Franchise Management (IFM) dan 1 program Grow Your Franchise Course (GYF) yang mana belanjanya adalah dibawah program kerjasama serta 11 Program Taklimat Mingguan Francais telah dilaksanakan berbanding pada tahun 2018, sebanyak sebanyak 4 program KAPF dan 19 Program Taklimat Mingguan Francais telah dilaksanakan.

Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara juga menunjukkan penningkatan sebanyak 30% kepada RM1,374 juta daripada RM1,056 ribu. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan aktiviti untuk melaksanakan acara Franchise International Malaysia 2019 (FIM2019) dibandingkan dengan tahun 2018.

Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan pada tahun semasa sebanyak 157 peratus kepada RM126 ribu daripada RM49 ribu pada 2018. Perbelanjaan pada 2019 terdiri daripada perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC di Abu Dhabi UAE, kos bagi jemputan pameran dan ceramah, penglibatan dalam program tanggungjawab sosial korporat, kos penyediaan bahan promosi serta kos penyelenggaraan sistem pejabat. Perbelanjaan pada 2018 merangkumi perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC di Mesir, kos bagi jemputan pameran dan ceramah dan kos penyelenggaraan sistem pejabat.

Pentadbiran

Belanja bagi pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama, pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan, Sumber Manusia serta belanja operasi. Belanja pentadbiran meningkat sebanyak 12% kepada RM912 ribu berbanding RM813 ribu pada tahun 2018. Belanja bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama terdiri daripada belanja pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa, cenderahati dan tuntutan belanja perjalanan menghadiri aktiviti. Belanja pelaksanaan Mesyuarat Agung mencatatkan peningkatan agak ketara pada 2019 berbanding pada 2018 disebabkan kos sewa tempat, penerbitan buku laporan dan diadakan serentak dengan sambutan hari raya aidilfitri.

Kos sumber manusia meningkat sebanyak 8%, disebabkan pertambahan bilangan kakitangan MFA. Selain itu, manfaat kepada sekretariat seperti bonus dan insentif meningkat adalah disebabkan pemberian saguhati bagi meningkatkan motivasi dan prestasi dikalangan pekerja disamping menjadi pemangkin untuk kakitangan lebih berusaha melaksanakan aktiviti dan program-program bagi meningkatkan pendapatan MFA di masa akan datang.

Belanja operasi pada 2019 telah meningkat berbanding pada tahun kewangan lepas bagi belanja am, belanja guaman, belanja perjalanan dan penginapan, belanja pos dan kurier, kompaun & denda, pembersihan pejabat, penyelenggaraan dan baikpulih, susut nilai serta belanja suratkhbar dan majalah, serta belanja utiliti – elektrik dan telefon, faksimili dan internet.

Program Kerjasama

Perbelanjaan program kerjasama pada 2019 meningkat kepada RM3.071 juta daripada RM2.786 juta adalah dipengaruhi oleh pelaksanaan program yang dianjurkan. Perbezaan jumlah perbelanjaan pada tahun 2019 dan 2018 kesan daripada pelaksanaan pelbagai jenis dan jumlah program.

JUMLAH ASET

Jumlah aset mencatatkan penurunan sebanyak 10% kepada RM4.535 juta daripada RM5.078 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya disebabkan penurunan pegangan tunai, penurunan yuran ahli dan bayaran proses belum terima dan yuran acara belum terima.

Yuran Keahlian Belum Terima

Yuran keahlian belum terima pada tahun kewangan semasa adalah sebanyak RM188 ribu berbanding RM236 ribu pada tahun 2018, mencatatkan pengurangan sebanyak 20% sahaja. Yuran belum terima ini adalah jumlah yuran keahlian belum terima bersih setelah ditolak dengan peruntukkan hutang lapuk yang dilaksanakan bagi menggambarkan keadaan sebenar kedudukan kewangan MFA. Polisi ini telah disemak setiap tahun dan dilaksanakan mengikut kemampuan kewangan MFA untuk menyerap belanja peruntukkan hutang lapuk ini. Penurunan jumlah tunggakan disebabkan oleh pelaksanaan dasar kutipan yuran yang lebih tegas dan efektif pada tahun semasa berbanding tahun sebelumnya.

Yuran Acara Belum Terima

Yuran acara belum terima menunjukkan penurunan sebanyak 46% daripada RM268 ribu kepada RM144 ribu. Penurunan tersebut disebabkan pelaksanaan Program Anugerah Francais Malaysia pada bulan Oktober 2019, yang mana semua yang turut dalam anugerah tersebut telah membuat pembayaran awal.

Yuran Pelbagai Belum Terima

Yuran pelbagai belum terima meningkat sebanyak 14% kepada RM123 ribu daripada RM107 ribu pada akhir tahun 2018 disebabkan oleh pelaksanaan Program *National Franchise Expo (NFX)* pada bulan Disember 2019.

Pegangan tunai

Pegangan tunai daripada simpanan tetap serta baki di tangan dan di bank menurun kepada RM2.965 juta berbanding RM3.755 juta pada 2018 terdiri daripada simpanan tetap sebanyak RM1.866 juta, tunai dibank dan ditangan sebanyak RM1.099 juta.

JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti menurun 19% kepada RM2.988 juta pada akhir tahun kewangan 2019 disebabkan oleh penurunan jumlah pemiutang, hasil terdahulu dan pelbagai pemiutang.

Hasil Terdahulu

Hasil terdahulu merangkumi penyaluran wang peruntukkan daripada pihak kementerian bagi melaksanakan aktiviti promosi francais secara kerjasama dengan pihak Kementerian. Sebahagian besar peruntukkan adalah bagi program EFDP.

Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang

Jumlah Pemiutang dan pelbagai pemiutang mencatatkan penurunan ketara kepada RM114 ribu daripada RM223 ribu pada 2018 berikutan pelaksanaan program Misi Perdagangan ke Qatar pada bulan November dan Rusia pada bulan Disember. Pembayaran kepada pembekal telah dijelaskan pada tahun 2019.

ROZAIMAN CHE KAR

Bendahari Agung

10 Ogos 2020

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA yang terdiri daripada lembaran imbalan, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2019 dan ringkasan asas-asas penyediaan perakaunan serta nota-nota yang dibentangkan.

Tanggungjawab Jawatankuasa Utama kepada Penyata Kewangan

Ahli-ahli Jawatankuasa Utama adalah bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan yang saksama menurut peruntukkan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya serta piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan digunapakai di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk membentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada kerana pemalsuan atau kesilapan, memilih mengguna pakai polisi kewangan yang berpatutan dan membuat jangkaan perakaunan yang munasabah pada penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat yang bebas ke atas penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian-Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-Piawaian tersebut mengkehendaki kami merancang dan melaksanakan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas dari salah nyata yang penting.

Audit melibatkan pelaksanaan tatacara untuk mendapatkan bukti mengenai jumlah dan pembentangan di dalam penyata kewangan. Tatacara yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata fakta yang ketara samada kerana pemalsuan atau kesilapan pada penyata kewangan. Untuk membuat penilaian risiko, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan kepada penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama oleh Persatuan bagi membentuk tatacara audit yang bersesuaian pada keadaan dan bukan tujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Persatuan. Audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Persatuan dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan berpatutan untuk menjadi dasar kepada pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan bersama-sama dengan nota-nota yang disediakan adalah menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan digunapakai di Malaysia yang diluluskan dan memenuhi Akta Pertubuhan 1966 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang transaksi-transaksi kewangan dan kedudukan hal-ehwal Persatuan pada 31 Disember 2019 dan hasil kendalian serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang wajib disimpan oleh Persatuan, telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukkan Akta tersebut.

Lain-Lain Perkara

Laporan ini dibuat untuk anggota-anggota Persatuan, sebagai satu badan, mengikut Akta Pertubuhan 1966, dan tanpa ada sebarang tujuan lain. Kami tidak mengambil tanggungjawab ke atas pihak lain bagi kandungan laporan ini.

HALIM, AHMAD & CO
AF 1205
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

ABDUL HALIM BIN AHMAD
1962/06/18 (J)

Kuala Lumpur

Tarikh : 20 Julai 2020

LAPORAN BERKANUN JAWATANKUASA UTAMA

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

Kami, bagi pihak Jawatankuasa Utama mewakili Persatuan Francais Malaysia dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Jawatankuasa Utama, penyata kewangan di muka surat **34 hingga 43** adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA pada 31hb. Disember, 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

.....
DATUK RADZALI HASSAN
Pengerusi

.....
MOHAMAD SHUKRI SALLEH
Setiausaha Agung

.....
ROZAIMAN CHE KAR
Bendahari Agung

Kuala Lumpur

Bertarikh : 20 Julai 2020

AKUAN BERKANUN

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

Saya, ROZAIMAN CHE KAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kwangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan di muka surat **34 hingga 43** mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas ROZAIMAN CHE KAR,)
di Kuala Lumpur pada)

.....
ROZAIMAN CHE KAR

Di hadapan saya,

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB. DISEMBER 2019

(Nota-Nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)

		2019	2018
	Nota	RM	RM
HARTANAH DAN PERALATAN	3	363,522	68,828
ASET SEMASA			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses Belum Terima		188,397	235,647
Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima		5,200	799
Yuran Acara Belum Terima		144,459	268,095
Yuran Pelbagai Belum Terima		123,379	107,966
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	4	764,577	641,741
Tunai dan Persamaan Tunai	5	2,965,380	3,755,189
		4,191,392	5,009,437
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	6	144,838	223,438
Hasil Terdahulu	7	2,779,330	3,388,929
Pelbagai Pemiutang	8	64,575	58,305
		2,988,743	3,670,672
ASET SEMASA BERSIH		<u>1,202,649</u>	<u>1,338,765</u>
		<u>1,566,171</u>	<u>1,407,593</u>
KUMPULAN WANG TERKUMPUL			
Lebihan Berkumpul Pada 1 Januari		1,407,593	1,277,520
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		<u>158,578</u>	<u>130,073</u>
Wang Berkumpul pada 31 Disember		<u>1,566,171</u>	<u>1,407,593</u>

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2019**

(Nota-Nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)

		2019	2018
	Nota	RM	RM
PENDAPATAN			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses		327,708	324,063
Yuran Kursus dan Seminar		89,845	106,240
Yuran Acara		1,722,032	1,505,183
Pelbagai Pendapatan	9	3,546,697	2,959,769
Keuntungan Simpanan Tetap		63,431	51,479
		5,749,713	4,946,734
PERBELANJAAN			
Belanja Keahlian		98,276	87,332
Belanja Kursus dan Seminar		69,119	77,080
Belanja Acara		1,374,008	1,055,997
Belanja Pelbagai	10	3,137,680	2,782,999
Belanja Pentadbiran	11	912,052	813,253
		5,591,135	4,816,661
LEBIHAN PENDAPATAN		158,578	130,073

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2019**

		2019	2018
	Nota	RM	RM
PENERIMAAN			
Penerimaan Yuran Keahlian dan Bayaran Proses		283,287	287,883
Penerimaan Yuran Kursus dan Seminar		27,740	51,944
Penerimaan Yuran Acara		1,103,726	1,146,492
Penerimaan Yuran Pelbagai	12	3,825,120	4,284,543
Penerimaan Dividen Simpanan Tetap	13	63,431	80,448
		5,303,304	5,851,310
PEMBAYARAN			
Belanja Keahlian		1,319	5,215
Belanja Kursus & Seminar		58,364	64,370
Belanja Acara		1,125,940	1,071,744
Belanja Pelbagai	14	3,164,832	2,681,085
Belanja Pentadbiran	15	863,667	780,979
Pembelian Hartanah dan Peralatan		505,740	40,441
Deposit pembelian bangunan		-	147,313
Pembayaran kepada syarikat berkaitan		373,251	164,526
		6,093,113	4,955,673
LEBIHAN/ (KURANGAN) PENERIMAAN ATAS PEMBAYARAN		(789,809)	895,637
BAKI PADA 1 JANUARI			
Tunai dan persamaan tunai		3,755,189	2,859,552
		2,965,380	3,755,189
BAKI PADA 31 DISEMBER			
Tunai dan persamaan tunai	5	2,965,380	3,755,189
		2,965,380	3,755,189

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2019

1. AKTIVITI PERSATUAN

Aktiviti utama Persatuan adalah memberi kesedaran dan mempromosikan industri francais melalui penyelidikan & pendidikan, promosi dan perhubungan awam, perhubungan kebangsaan & antarabangsa, pengurusan acara dan pembangunan perniagaan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Tunai dan Bersamaan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai meliputi wang tunai dalam tangan dan baki di dalam bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko tidak penting dalam pertukaran nilai, overdraf bersih bank yang belum dijelaskan.

(c) Hartanah dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah dan Peralatan dinyatakan pada kos dan ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai diperuntukkan atas kos setiap aset dengan ansuran tahunan yang sama sepanjang anggaran tempoh penggunaannya. Kadar Susutnilai Tahunan adalah seperti berikut:

	%
Komputer	40
Peralatan Pejabat	10
Perabot & Kelengkapan	10
Ubahsuai Pejabat	10

(d) Asas Pendapatan Yuran Ahli

Yuran ahli adalah diambilkira berdasarkan kepada asas akruan dan butirannya seperti berikut:

Kategori Ahli	Jenis Ahli	Yuran Tahunan (RM)
Ahli Biasa	Francaisor	2,000
	Francaisi Induk	2,000
	Institusi Sokongan	2,000
	Francaisi	200
Ahli Bersekutu	Bakal Francaisor	1,000
	Bakal Francaisi Induk	1,000
	Institusi Sokongan	1,000
	Bakal Francaisi	300
Ahli Pelajar		10
Ahli Antarabangsa		2,000

Kedah prorata bagi yuran keahlian akan dilaksanakan sekiranya ahli mendaftar atau menamatkan keahlian pada pertengahan tahun kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2019

2. DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

(e) Penerimaan

Penerimaan dibawa pada nilai perolehan yang dijangka. Anggaran dibuat bagi penerimaan yang meragukan berasaskan semakan semula semua jumlah tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapuskan pada tahun kewangan ia dikenalpasti.

Polisi Peruntukkan Hutang Lapuk seperti berikut:

- Peruntukkan Khusus Semua tunggakan hutang melebihi 2 tahun
- Peruntukkan Umum 5% daripada tunggakan hutang kurang daripada 2 tahun

(f) Kerosotan Nilai Simpanan Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbalan, Persatuan menyemak nilai simpanan aset selain daripada inventori bagi menentukan sama ada terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin merosot. Sekiranya wujud petunjuk-petunjuk tersebut, kerosotan nilai aset akan diukur semula dengan membandingkan nilai simpanan aset dengan nilai yang boleh diperolehi semula.

Nilai boleh diterima adalah nilai yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih atau nilai digunakan, dimana ianya dikira berdasarkan aliran tunai masa hadapan didiskaunkan. Nilai boleh terima dianggarkan bagi nilai aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian kerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Sebarang kerugian rosot nilai dianggap sebagai kurangan hingga ke tahap penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

Peningkatan nilai berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi aset dianggap sebagai penerbalikan kerugian kerosotan terdahulu dan diiktiraf sebagai tahap nilai simpanan aset akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tidak ada kerugian kerosotan telah diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian.

Jika kerugian rosot nilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, penerbalikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

(g) Penghutang dan Pelbagai Penghutang

Penghutang dan pelbagai penghutang dibawa sebagai nilai jangkaan yang boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila telah dikenalpasti. Satu jangkaan dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kajian ke atas jumlah yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbalan.

(h) Pemiutang, Pelbagai Pemiutang dan Akruan

Pemiutang, pelbagai pemiutang dan akruan dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bagi pertimbangan yang akan dibayar di masa depan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(i) Manfaat Pekerja

i) Manfaat jangka Pendek

Gaji, upah, bonus, elaun, cuti berbayar, cuti perubatan dan manfaat bukan berupa kewangan adalah direkodkan sebagai belanja pada tahun kewangan dimana pekerja tersebut berkhidmat untuk Persatuan.

ii) Takrif Pelan Sumbangan

Syarikat-syarikat di Malaysia, mengikut undang-undang, perlu menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan ini direkodkan sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan Persatuan mengikut tahun yang berkaitan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2019

iii) Manfaat Penamatan

Manfaat penamatan bagi pekerja adalah diambil kira apabila samada perjanjian telah ditandatangani dan syarat-syarat tertentu atau setelah individu pekerja itu telah diberitahu mengenai terma dan syarat.

3. HARTANAH DAN PERALATAN

Harga Kos	Pada 01.01.2019 RM	Pertambahan RM	Perlupusan RM	Pada 31.12.2019 RM
Komputer	68,921	2,277	-	71,198
Peralatan Pejabat	56,074	4,850	-	60,924
Perabot dan Kelengkapan	59,434	52,680	-	112,114
Ubahsuai Pejabat	28,571	252,359	-	280,930
Papan Tanda	-	8,800	-	8,800
	213,000	320,966	-	533,966

Susutnilai Berkumpul	Pada 01.01.2019 RM	Susutnilai Tahun Semasa RM	Perlupusan RM	Pada 31.12.2019 RM
Komputer	65,216	3,066	-	68,283
Peralatan Pejabat	27,059	4,953	-	32,012
Perabot dan Kelengkapan	23,325	6,026	-	29,351
Ubahsuai Pejabat	28,571	12,227	-	40,798
Papan Tanda	-	-	-	-
	144,172	26,272	-	170,444

	Nilai dibawa		Susutnilai tahun berakhir
	2019 RM	2018 RM	2018 RM
Komputer	2,915	3,704	8,421
Peralatan Pejabat	28,912	29,015	5,434
Perabot dan Kelengkapan	82,763	36,109	4,137
Ubahsuai Pejabat	240,132	-	-
Papan Tanda	8,800	-	-
	363,522	68,828	17,992

4. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2019 RM	2018 RM
MFA Franchise Sdn Bhd	288,559	164,526
Pinjaman Pekerja	1,700	598
Deposit Sewa	15,000	10,656
Deposit Utiliti	13,300	2,000
Deposit Lain-Lain:		
Deposit Pembelian Bangunan	124,543	147,313
Prabayar	321,475	300,172
Akaun Kawalan CBP	-	16,476

764,577641,741**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2019****5. TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI**

	2019	2018
	RM	RM
Bank Kerjasama Rakyat Berhad	1,006,400	607,345
Malayan Banking Berhad	14,858	80,695
Malayan Banking Berhad – MFA-Tabung Amal Francais	72,188	38,588
RHB Bank Berhad	5,693	73,468
Deposit Tetap	1,866,026	2,950,854
Tunai di tangan	215	4,240
	<u>2,965,380</u>	<u>3,755,189</u>

6. PEMIUTANG

	2019	2018
	RM	RM
Acara	9,030	2,000
Program Latihan	6,600	6,550
Lain-Lain Program	129,208	214,888
	<u>140,053</u>	<u>223,438</u>

7. HASIL TERDAHULU

	2019	2018
	RM	RM
Program Promosi Francais	2,779,330	3,388,929
	<u>2,779,330</u>	<u>3,388,929</u>

8. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2019	2018
	RM	RM
Belanja Pentadbiran	56,275	50,535
Halim Ahmad & Co	8,300	7,770
	<u>64,575</u>	<u>58,305</u>

9. PELBAGAI PENDAPATAN

	2019	2018
	RM	RM
Yuran Misi Perdagangan / Pembelajaran	1,769,507	2,003,605
Lain-lain Yuran	1,777,190	956,164
	<u>3,546,697</u>	<u>2,959,769</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2019

10. PELBAGAI BELANJA

	2019	2018
	RM	RM
Belanja Misi Perdagangan/Pembelajaran	1,590,137	2,051,944
Belanja APFC / WFC	9,443	14,837
Belanja Pelbagai	1,538,100	716,218
	<u>3,137,680</u>	<u>2,782,999</u>

11. BELANJA PENTADBIRAN

	2019	2018
	RM	RM
Belanja Am	16,051	5,030
Belanja Guaman	3,008	200
Belanja Mesyuarat	6,165	-
Belanja Perjalanan & Penginapan	10,161	6,825
Belanja Perubatan	6,562	3,642
Belanja Pos dan Kurier	1,239	754
Bonus dan Insentif	52,991	43,411
Caj Bank	1,234	3,340
Cetakan & Alatulis	9,121	11,703
Elaun dan Upah	32,931	40,400
Elektrik	11,248	9,005
Gaji	517,635	481,345
Insurans Pekerja	7,145	7,446
Uniform Pekerja	-	5,071
KWSP & SOCSO	65,934	67,367
Kompaun & Denda	275	-
Mesyuarat Agung Tahunan	31,060	9,552
Pembersihan Pejabat	3,911	3,775
Penyelenggaraan dan Baikpulih	25,953	7,531
Perbelanjaan Cukai Barang & Perkhidmatan	450	7,549
Sewa Pejabat	63,546	63,936
Suratkhabar dan Majalah	1,662	1,445
Susutnilai	26,272	17,992
Telefon, Faksimili dan Internet	9,998	8,934
Yuran Audit	7,500	7000
	<u>912,052</u>	<u>813,253</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2019

12. PENERIMAAN PELBAGAI YURAN

	2019	2018
	RM	RM
Yuran Misi Perdagangan / Pembelajaran	1,928,089	3,328,379
Lain-lain Yuran	<u>1,897,031</u>	<u>956,164</u>
	<u><u>3,825,120</u></u>	<u><u>4,284,543</u></u>

13. PENERIMAAN SIMPANAN TETAP

Penerimaan keuntungan simpanan jangka pendek dari Institusi Kewangan yang diluluskan:

	2019	2018
	RM	RM
Keuntungan Murabahah	<u>63,431</u>	<u>80,448</u>
	<u><u>63,431</u></u>	<u><u>80,448</u></u>

14. PEMBAYARAN PELBAGAI BELANJA

	2019	2018
	RM	RM
Belanja Misi Perdagangan/Pembelajaran	1,764,436	1,917,560
Belanja APFC / WFC	10,538	12,919
Belanja Pelbagai	<u>1,389,859</u>	<u>750,606</u>
	<u><u>3,164,832</u></u>	<u><u>2,681,085</u></u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2019**15. PEMBAYARAN BELANJA PENTADBIRAN**

	2019	2018
	RM	RM
Belanja Am	16,051	5,030
Belanja Guaman	3,008	200
Belanja Perjalanan & Penginapan	10,161	6,825
Belanja Perubatan	6,562	3,642
Belanja Pos dan Kurier	1,239	754
Belanja mesyuarat	6,165	
Bonus dan Insentif	42,467	43,411
Caj Bank	1,234	3,340
Cetakan & Alatulis	9,529	12,562
Elaun dan Upah	29,731	32,300
Elektrik	9,899	8,457
Gaji	517,635	481,345
Insurans Pekerja	7,145	6,921
Uniform Pekerja	-	5,071
KWSP	58,604	59,741
SOCSSO& SIP	7,330	7,553
Kompaun & Denda	275	-
Mesyuarat Agung Tahunan	31,060	9,552
Pembersihan Pejabat	3,911	3,775
Penyelenggaraan dan Baikpulih	25,953	7,531
Sewa Pejabat	58,218	65,215
Suratkhabar dan Majalah	1,662	1,445
Telefon, Faksimili dan Internet	8,058	8,995
Yuran Audit	7,770	7,314
	<u>863,667</u>	<u>780,979</u>

LAIN-LAIN MAKLUMAT

Senarai Liputan Media
Kalendar Aktiviti 2019

SENARAI LIPUTAN MEDIA TAHUN 2019

MEDIA ELEKTRONIK : Temuramah & Liputan Berita di TV & Radio

TARIKH	MEDIA	TAJUK
4 Mac	RTM	Temubual Program Selamat Pagi Malaysia bersama En. Mohamad Shukri Salleh, Setiausaha Agung MFA dan En. Jacky Lim, Managing Director of Goldlife Marketing Sdn Bhd (Meiko)
16 Mac	BEST FM	Temubual bersama Datuk Badrul Hisham Mohd
27 Mac	Bernamea Radio	Temubual bersama wakil MFA, En. Ahmad Faizal Mohamed Noor
29 Mac	RTM	Temubual Program Biz Malaysia bersama wakil MFA, Datuk Dr. Hj Radzali Hassan
25 Sep	RTM	Temubual Program Selamat Pagi Malaysia bersama wakil MFA, En. Terry Lim
3 Okt	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. CK Lim, Ketua Pegawai Operasi CleanPro Express Sdn Bhd
10 Okt	Bernamea Radio	Temubual Program Dunia Niaga bersama Ybng Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA)
10 Okt	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Terry Lim, Ketua Pegawai Pemasaran Global Art & Creative Sdn Bhd
17 Okt	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Kairul Azman Mohd Yusof, Pengarah Francais Antarabangsa Marrybrown Sdn Bhd
24 Okt	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama Cik Yuen Yee, Pengurus Pemasaran Celmonze Sdn Bhd
31 Okt	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Deric Yeo, Pengarah Revenue Valley Sdn Bhd
7 Nov	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama Pn. Normala Binti Mohamad Nasir, Pengurus Pembangunan Operasi dan Pemasaran Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
14 Nov	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Mohd Fadzli Bin Ab Rahim, Ketua Komunikasi Korporat dan Penjenamaan, City Coin Laundry Sdn Bhd
21 Nov	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Patt Woei Sheun, Ketua Pegawai Operasi, Poney Garments Sdn Bhd
23 Nov	RTM	Liputan berita NFX Sabah. Majlis sidang media bersama Timbalan Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP, Dr. Alauddin bin Sidal.
28 Nov	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama Datin Rusiah Mohamed, Pengarah Pembinaan & Perkhidmatan Perniagaan, Perbadanan Perdagangan Luar Negeri (MATRADE)
5 Dec	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya, Pengurus Persatuan Francais Malaysia (MFA)
12 Dec	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Jacky Lim, Pengarah Urusan, Goldlife Marketing Sdn Bhd (Meiko)
19 Dec	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En. Lee Yew Jin, Ketua Pegawai Eksekutif, Teh Tarik Place Sdn Bhd (Teh Tarik Place)
26 Dec	Bernamea Radio	Temubual Program Going Global bersama En.Deric Yeo, Pengerusi bagi Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2020 (FIM2020)

MEDIA CETAK & DIGITAL : Promosi & Pengiklanan di Suratkhbar, Majalah & Media Sosial

TARIKH	MEDIA	TAJUK
11 Jan	New Strait Times	Iklan <i>Essentials of Franchising & International Franchise Management</i>
17 Jan	Berita Harian	Iklan FIM2019- <i>Visitors</i>
22 Jan	New Strait Times	Iklan FIM2019- <i>Conference</i>
26 Jan	Berita Harian	Iklan <i>Essentials of Franchising & International Franchise Management</i>
31 Jan	New Strait Times	Iklan FIM2019- <i>Visitors</i>
22 Jan	The Star	Senheng wins big at SOBA
4 Feb	Saudi Gazette	Saudi Int'l Franchise Expo 2019 set
4 Feb	Trade Arabia	Saudi franchise market 'worth \$15bn'
22 Feb	Berita Harian	Iklan FIM2019- <i>Conference</i>
28 Feb	New Strait Times	Iklan FIM2019- <i>Conference</i>
26 Feb	Bernamea	Home grown Tealive to open 10 stores in China
27 Feb	The Star	Brewing his second cuppa tea
27 Feb		Holistic teaching methodology for the 21st century
27 Feb		Govt to facilitate companies expanding overseas
27 Feb	Berita Harian	Senheng sasar pendapatan RM1.5 billion tahun ini
27 Feb		PNS rancang bawa lima francais induk menjelang 2020
1 Mac	The Sun	7-Eleven Malaysia's FY18 net profit up 24% to RM51.31m
7 Mac	The Edge Market	Two local franchise brands enter Japan market: MFA
7 Mac	Bernamea	2 local franchise brands enter Japan market – MFA
7 Mac	Berita Harian	Iklan FIM2019- <i>Visitors</i>
18 Mac	The Sun	Berjaya Philippines ups stake in 7-Eleven Malaysia
18 Mac	Berita Harian	Sasar 300 cawangan Tealive di Kedai Mesra
18 Mac		Riang bersama Hello Kitty, Thomas & Friends dan KidZania
18 Mac	The Star	Guiding mums into business
20 Mac	New Strait Times	Iklan FIM2019- <i>Visitors</i>
6 April	Utusan Malaysia	Lebih 200 peserta FIM diraikan dalam majlis makan malam
6 April	Kosmo	Malaysia sesuai jadi hab francais syarikat luar negara
6 April	Harian Metro	Malaysia hab francais ASEAN, Asia Barat
6 April	Borneo Post	Foreign franchisors welcomed to make Malaysia their regional hub
